

**ANALISIS LANDSKAP LINGUISTIK BAHASA KIASAN  
DI KUIL-KUIL HINDU DI MALAYSIA**

**SHARMEENY NAIR A/P GOVINDASAMY**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2022**

ANALISIS LANDSKAP LINGUISTIK BAHASA KIASAN  
DI KUIL-KUIL HINDU DI MALAYSIA

SHARMEENY NAIR A/P GOVINDASAMY

DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SASTERA  
(LINGUISTIK)

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2022

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: Sharmeen Nair Govindasamy

No. Matrik: TOA180027 / 17083487/2

Nama Ijazah: Ijazah Sarjana Sastera (Linguistik)

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

Analisis Landskap Linguistik Bahasa Kiasan di kuil-kuil Hindu di Malaysia

Bidang Penyelidikan: Sociolinguistik

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 13-9-2022

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 13-9-2022

Nama:

Jawatan:

# ANALISIS LANDSKAP LINGUISTIK BAHASA KIASAN DI KUIL-KUIL HINDU DI MALAYSIA

## ABSTRAK

Bahasa kiasan digunakan untuk menyampaikan sesuatu perkara secara ringkas, membawa makna yang mendalam dan berkesan (Hashimah, 2014). Kini penggunaan bahasa kiasan dalam kehidupan seharian masyarakat didapati semakin berkurangan (Arunasalam, 2017). Sehubungan dengan itu, pelbagai langkah boleh diambil untuk memulihkan keadaan ini. Salah satunya ialah penggunaan bahasa kiasan di tempat-tempat awam bagi ramai orang dapat membaca dan mempelajari bahasa kiasan. Menurut Rane (2017) penggunaan bahasa kiasan dapat dilihat pada papan tanda dan dinding di kuil-kuil Hindu. Kajian ini telah dijalankan di tempat ibadat Hindu di mana sambutan perayaan *Thaipusam* diraikan secara meriah. *Thaipusam* merupakan salah satu perayaan yang terkenal dan disambut secara besar-besaran di kuil-kuil Hindu. Penyelidikan ini menekankan tiga objektif utama iaitu mengenal pasti jenis bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding di kuil-kuil Hindu di Malaysia. Objektif yang kedua adalah untuk membincangkan ciri bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding di kuil-kuil Hindu di Malaysia berdasarkan Prinsip Penstrukturan Landskap Linguistik dan objektif yang terakhir pula meninjau perspektif pengunjung terhadap bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding di kuil-kuil Hindu di Malaysia. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kajian kualitatif. Kaedah penyelidikan kualitatif dirancang membantu mengungkapkan tingkah laku dan persepsi responden kajian dengan merujuk kepada topik tertentu. Kaedah analisis kandungan telah digunakan untuk menganalisis bahasa kiasan di kuil-kuil Hindu. Kajian ini juga merupakan satu kajian lapangan iaitu menjalankan kajian terhadap suatu fenomena atau situasi. Pengelasan bahasa kiasan yang dicadangkan oleh Kumarasampillai (1926) dan Prinsip Penstrukturan LL (*Principles Of Structuration*) yang direkakan oleh

Ben-Rafael (2009) telah dipilih untuk menganalisis data. Persambelan bertujuan dipilih sebagai sampel kajian yang terdiri daripada 44 bahasa kiasan yang dikumpulkan dari empat buah kuil. Instrumen kajian yang telah dipilih adalah papan tanda dan temubual. Hasil kajian menunjukkan bahawa jenis bahasa kiasan yang kerap digunakan di kuil-kuil Hindu adalah lagu pujaan dewa-dewi, *Thirukkural* dan kata-kata Hikmat. Teks bahasa kiasan pada papan tanda dan dinding kuil mengandungi aspek warna, bahasa, imej dan informasi yang berdasarkan Prinsip Penstrukturan LL. Perkara ini membantu untuk memahami kandungan papan tanda dan menarik perhatian pengunjung ke kuil-kuil Hindu tersebut. Pengunjung berpendapat bahawa bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding di kuil menekankan ciri budaya masyarakat India dan memberikan informasi mengenai etika, nilai-nilai moral dan prinsip kehidupan manusia. Kajian ini juga dijalankan untuk menyedarkan masyarakat tentang bahasa kiasan Tamil yang terdapat di kuil sebagai medium untuk mendidik masyarakat masa kini dan pada masa akan datang.

**Kata kunci:** Bahasa kiasan, Landskap Linguistik, *Thaipusam*, tempat ibadat, Masyarakat India

# **ANALYSIS OF FIGURATIVE LANGUAGES ON LINGUISTIC LANDSCAPE IN HINDU TEMPLES IN MALAYSIA**

## **ABSTRACT**

Figurative language is used to convey something concisely, carrying a deep and effective meaning (Hashimah, 2014). Now the use of figurative language in the daily life of society is found to be declining (Arunasalam, 2017). Accordingly, various measures can be taken to remedy this situation. One of them is the use of figurative language in public places so that many people can read and learn the figurative language. According to Rane (2017), the use of figurative language can be seen on signboards and walls in Hindu temples. The study was conducted at Hindu place of worship where the celebration of the Thaipusam festival was celebrated in a lively manner. *Thaipusam* is one of the most famous festivals and celebrated on a large scale in Hindu temples. This research emphasizes three main objectives, namely to identify the types of figurative language displayed on signboards and walls in Hindu temples in Malaysia. The second objective is to discuss the features of figurative language displayed on signboards and walls in Hindu temples in Malaysia based on the Principles Of Structuration and the last objective is to review visitors' perspectives on the figurative language displayed on signboards and walls in Hindu temples in Malaysia. This research uses qualitative research methods. Qualitative research methods are designed to help express the behaviors and perceptions of study respondents regarding specific topics. Content analysis methods have been used to analyze the figurative language in Hindu temples. This study is also a field study that is to conduct a study on a phenomenon or situation. The figurative language classification proposed by Kumarasampillai (1926) and the LL (Principles Of Structuration) designed by Ben-Rafael (2009) were selected to analyze the data. The purposeful sampling was selected as a study sample consisting of 44 figurative languages collected from four temples. The

research instrument that was chosen was the interview. The results show that the type of figurative language that is often used in Hindu temples is the idol songs of the gods and goddesses, *Thirukkural* and words of wisdom. The figurative language text on the signboards and walls of the temple contains aspects of color, language, images and information as each feature based on these LL Structuring Principles helps to understand the content of the signboards and draw the attention of visitors to the temple. Visitors argue that the figurative language displayed on signboards and walls in the temple emphasizes the cultural characteristics of Indian society and provides information on ethics, moral values and principles of human life. The study was also conducted to make the community aware of the Tamil figurative language found in the temples as a medium to educate the community now and in the future.

**Keywords:** Figurative Language, Linguistic Landscape, *Thaipusam*, place of worship, Indian society

## **PENGHARGAAN**

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr.Thanalachime Perumal, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan penyelidikan ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik yang baik. Setinggi-tinggi terima kasih kepada Dr. Malarvizhi Sinayah yang memberi bimbingan bagi menjayakan disertasi ini.

Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, Encik Govindasamy dan Puan Sarasvathy yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Encik Vasantaraj yang tidak jemu memberikan nasihat, semangat dan sokongan fizikal serta mental sepanjang tempoh saya menyediakan penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih diucapkan kepada adik beradik saya iaitu Om Prakash Nair dan Kheerthitha Nair kerana telah membantu, berkorban masa dan tenaga untuk menyiapkan penyelidikan ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Semoga disertasi ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi yang akan datang.

Sharmeeney Nair A/P Govindasamy



## ISI KANDUNGAN

|                                          |           |
|------------------------------------------|-----------|
| Abstrak.....                             | iii       |
| Abstract .....                           | v         |
| Penghargaan.....                         | vii       |
| Isi Kandungan.....                       | viii      |
| Senarai Jadual.....                      | xi        |
| Senarai Rajah.....                       | xii       |
| Senarai Lampiran.....                    | xiii      |
| <br>                                     |           |
| <b>BAB 1: PENGENALAN.....</b>            | <b>1</b>  |
| 1.1 Latar Belakang Kajian.....           | 1         |
| 1.2 Penyataan Masalah.....               | 4         |
| 1.3 Objektif Kajian.....                 | 6         |
| 1.4 Persoalan Kajian.....                | 6         |
| 1.5 Kepentingan Kajian.....              | 7         |
| 1.6 Batasan Kajian.....                  | 7         |
| 1.7 Definisi Istilah.....                | 8         |
| 1.7.1 Konsep Landskap Linguistik.....    | 8         |
| 1.7.2 Bahasa Kiasan.....                 | 8         |
| 1.8 Kesimpulan.....                      | 9         |
| <br>                                     |           |
| <b>BAB 2: TINJAUAN KAJIAN LEPAS.....</b> | <b>10</b> |
| 2.0 Pengenalan.....                      | 10        |
| 2.1 Kajian mengenai bahasa kiasan.....   | 10        |
| 2.2 Kajian LL Mengikut Tempat.....       | 35        |
| 2.2.1 Kajian LL di Bandar.....           | 35        |
| 2.2.2 Kajian LL di Tempat Ibadat.....    | 44        |

|                                                              |           |
|--------------------------------------------------------------|-----------|
| 2.2.3 Kajian LL di Tempat pelancongan.....                   | 47        |
| 2.3 Kajian Tentang Temapt Ibadat.....                        | 49        |
| 2.4 Perkaitan antara Kajian lepas dengan Kajian semasa ..... | 50        |
| 2.5 Kesimpulan .....                                         | 50        |
| <b>BAB 3: METODOLOGI.....</b>                                | <b>51</b> |
| 3.0 Pengenalan.....                                          | 51        |
| 3.1 Kaedah Kajian... ..                                      | 51        |
| 3.2 Kerangka Kajian... ..                                    | 52        |
| 3.3 Prosedur Kajian.....                                     | 53        |
| 3.4 Lokasi Kajian.....                                       | 55        |
| 3.5 Latar Belakang Kuil.....                                 | 56        |
| 3.6 Sampel Kajian.....                                       | 60        |
| 3.7 Instrumen Kajian.....                                    | 62        |
| 3.7.1 Papan Tanda .....                                      | 62        |
| 3.7.2 Temu bual.....                                         | 62        |
| 3.8 Pengumpulan Data.....                                    | 63        |
| 3.9 Analisis Data.....                                       | 63        |
| 3.10 Kajian Rintis .....                                     | 64        |
| 3.11 Etika Kajian .....                                      | 64        |
| 3.12 Kerangka Teori .....                                    | 65        |
| a) Pengkelasan Jenis Bahasa Kiasan.....                      | 65        |
| b) Prinsip Penstrukturan LL .....                            | 67        |
| 3.1.3 Kesimpulan .....                                       | 68        |

|                                                        |                |
|--------------------------------------------------------|----------------|
| <b>BAB 4: ANALISIS DAN PERBINCANGAN.....</b>           | <b>69</b>      |
| 4.0 Pengenalan.....                                    | 69             |
| 4.1 Jenis Bahasa Kiasan.....                           | 69             |
| 4.1.1 Lagu Pujaan Dewa dan Dewi .....                  | 71             |
| 4.1.2 <i>Thirukkural</i> .....                         | 80             |
| 4.1.3 Kata-Kata Hikmat....                             | 83             |
| 4.1.4 <i>Geetha Saram</i> .....                        | 85             |
| 4.1.5 <i>Aathichoodi</i> .....                         | 86             |
| 4.1.6 <i>Muthurai</i> .....                            | 87             |
| 4.2 Ciri Bahasa Kiasan.....                            | 88             |
| 4.2.1 Persembahan diri (Presentation of self) .....    | 88             |
| 4.2.2 Alasan yang munasabah (Good reason).....         | 104            |
| 4.2.3 Hubungan kuasa (Power relation).....             | 107            |
| 4.2.4 Identiti kolektif (Collective identity)....      | 112            |
| 4.3 Persepektif pengunjung .....                       | 116            |
| 4.4 Kesimpulan....                                     | 118            |
| <br><b>BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN .....</b>        | <br><b>119</b> |
| 5.0 Pengenalan....                                     | 119            |
| 5.1 Jenis bahasa kiasan yang terdapat di kuil ...      | 119            |
| 5.2 Ciri Bahasa Kiasan Yang Terdapat Di Kuil.....      | 120            |
| 5.3 Persepektif pengunjung terhadap bahasa kiasan..... | 121            |
| 5.4 Sumbangan kajian.....                              | 122            |
| 5.5 Cadangan Kajian....                                | 123            |
| Rujukan .....                                          | 125            |
| Lampiran                                               |                |

## SENARAI JADUAL

|                                                                                                                         |     |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Jadual 3.1: Kuil yang menyambut perayaan Thaipusam secara meriah di Malaysia.....                                       | 56  |
| Jadual 3.2: Makna label sampel kajian .....                                                                             | 61  |
| Jadual 3.3: Bahasa kiasan yang terdapat di buku Thandiylangaram .....                                                   | 66  |
| Jadual 4.1: Bahasa kiasan yang terkumpul di empat buah kuil Hindu yang menyambut perayaan Thaipusam secara meriah. .... | 70  |
| Jadual 4.2: Jenis lagu pujaan dewa-dewi yang terdapat di kuil .....                                                     | 72  |
| Jadual 4.3: Kumpulan thirukkural yang terdapat di kuil.....                                                             | 81  |
| Jadual 4.4: Bahasa yang terdapat di kuil.....                                                                           | 89  |
| Jadual 4.5: Penggunaan bahasa pada papan tanda dan dinding kuil .....                                                   | 91  |
| Jadual 4.6: Penggunaan pelbagai warna pada papan tanda dan dinding.....                                                 | 93  |
| Jadual 4.7: Penggunaan gambar dan simbol .....                                                                          | 98  |
| Jadual 4.8: Gambar pada papan tanda dan dinding kuil.....                                                               | 99  |
| Jadual 4.9: Papan tanda dan dinding kuil yang mengandungi maklumat .....                                                | 104 |
| Jadual 4.10: Bahasa utama yang digunakan di kuil .....                                                                  | 107 |
| Jadual 4.11: Papan tanda yang menggunakan Bahasa Tamil.....                                                             | 109 |
| Jadual 4.12: Papan tanda yang menggunakan Bahasa Inggeris .....                                                         | 110 |
| Jadual 4.13: Papan tanda yang menggunakan Bahasa Cina .....                                                             | 111 |
| Jadual 4.14: Papan tanda dan dinding yang menunjukkan identiti kolektif.....                                            | 112 |

## SENARAI RAJAH

|                                                                     |    |
|---------------------------------------------------------------------|----|
| Rajah 3.1: Kerangka kajian .....                                    | 52 |
| Rajah 3.2: Batu Caves Sri Subramaniam Swamy .....                   | 56 |
| Rajah 3.3: Kuil Arulmigu Balathandayuthapani .....                  | 57 |
| Rajah 3.4: Kallumalai Arulmigu Subramaniam .....                    | 58 |
| Rajah 3.5: Kuil Sri Subramaniam Swami Devasthanam .....             | 59 |
| Rajah 3.6: Kuil Sri Bala Thandayuthapani .....                      | 59 |
| Rajah 3.7: Kerangka Prinsip Penstrukturan .....                     | 67 |
| Rajah 4.1: Kumpulan <i>Thirukkural</i> .....                        | 83 |
| Rajah 4.2: Penggunaan warna pada papan tanda dan dinding kuil ..... | 95 |

## SENARAI LAMPIRAN

|                   |     |
|-------------------|-----|
| Lampiran A: ..... | 137 |
| Lampiran B: ..... | 138 |
| Lampiran C: ..... | 139 |
| Lampiran D: ..... | 145 |
| Lampiran E: ..... | 158 |

Universiti Malaya

## **BAB 1: PENDAHULUAN**

### **1.0 Pengenalan**

Bab ini menjelaskan sebab kajian ini dijalankan secara rinci. Bab ini mengandungi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi istilah.

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

#### **1.1.1 Peranan bahasa**

Linguistik dikatakan sebagai bidang yang mengkaji bahasa secara saintifik, sistematik dan informasi asas untuk berkomunikasi melalui bahasa. Bahasa dan Linguistik adalah dua perkataan yang mempunyai perkaitan rapat antara satu sama yang lain. Bahasa merupakan cara untuk berkongsi dan menyampaikan apa yang ingin disampaikan oleh seseorang manusia. Linguistik pula adalah cabang kajian yang berkaitan dengan bahasa. Bidang yang merangkumi dalam kajian linguistik deskriptif ialah bidang fonologi iaitu kajian mengenai bunyi, morfologi pula pembentukan perkataan dan sintaksis iaitu kajian mengenai ayat (Syahrin, 2012).

#### **1.1.2 Bahasa dan Tempat Ibadat**

Bahasa bukan hanya dituturkan oleh manusia malah ia juga boleh ditulis dalam bentuk simbol atau abjad. Bahasa biasanya digunakan untuk menyampaikan maklumat dalam pelbagai media seperti surat khabar, majalah, poster atau buku (Gee, 2014). Bahasa ialah alat komunikasi yang digunakan oleh masyarakat secara lisan dan tulisan. Hal ini demikian kerana bahasa adalah sangat penting dalam kehidupan seharian masyarakat dan membantu untuk berinteraksi di mana sahaja (Dakowska, 2018). Tempat ibadat juga memainkan peranan penting bagi mempelajari sesuatu bahasa (Jasmi & Karjo, 2008).

Kuil atau tempat ibadat terkenal sebagai *aalaiyam*, *devaalayam*, *kovil* atau *devastanam* yang bermaksud tempat tinggal Tuhan (Mathavi, 2017). Kuil itu bukan sahaja berperanan sebagai tempat ibadat bagi seorang penganut agama Hindu malah ia juga dianggap sebagai pemerintah segala alam. Seorang penganut pasti akan mengunjungi ke tempat ibadat untuk melakukan aktiviti keagamaan seperti perkahwinan, pemujaan dan upacara keagamaan (Mazumdar, 2004). Selain itu, tempat ibadat khasnya kuil Hindu di Malayisa juga memainkan peranan bagi memaparkan bahasa kiasan pada papan tanda dan dinding kuil (Ranee, 2017).

### 1.1.3 Bahasa kiasan

Bahasa kiasan merupakan perkataan atau kumpulan perkataan yang menjadikan sesuatu makna lebih terang dan mendalam (Arunasalam, 2017). Sejarar dengan kenyataan Harya (2017) bahasa kiasan adalah bahasa yang menggunakan kata atau ungkapan dengan makna yang berbeza dengan tafsiran literal. Bahasa kiasan memberi keseronokan, memasukkan citra tambahan ke dalam ayat, memberi makna konkrit dan abstrak, membuat karya sastera lebih sensual dan menambahkan intensiti emosi. Bahasa kiasan Tamil meliputi simpulan bahasa, bidalan, perumpamaan, pepatah yang merupakan sebahagian daripada warisan masyarakat India yang kaya dengan nilai-nilai positif (Subramaniam, 2015). Menurut Za'ba (1965) bahasa kiasan dibahagikan kepada dua jenis iaitu bahasa kiasan peribahasa dan bahasa kiasan bukan peribahasa. Bidalan, simpulan bahasa, pepatah dan perumpamaan jenis yang terdapat dalam bahasa kiasan peribahasa manakala bahasa kiasan bukan peribahasa pula terdiri daripada hiperbola, metafora, simile dan personafikasi. Jenis-jenis bukan peribahasa yang dinyatakan dikenali sebagai gaya bahasa kiasan.

Kebebasan beragama menyebabkan kerajaan membenarkan rakyat yang berbilang bangsa mendirikan tempat ibadat masing-masing untuk menjalankan aktiviti dan upacara-upacara keagamaan mengikut kaum. Oleh itu, di Malaysia mempunyai



banyak kuil yang dikunjungi oleh masyarakat yang beragama Hindu. Secara amnya, di kebanyakan papan tanda dan dinding kuil terdapat bahasa kiasan yang ditulis oleh pengurus kuil bagi menyediakan peluang kepada penganut Hindu dan para pengunjung untuk mempelajari bahasa kiasan. Begitu juga kuil-kuil yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah di Malaysia didapati menggunakan bahasa kiasan pada papan tanda dan dinding kuil. *Thaipusam* merupakan salah satu perayaan yang diraikan secara besar-besaran oleh penganut agama Hindu di seluruh dunia. Perayaan ini disambut untuk memberikan penghormatan kepada Dewa Murugan. Berjuta-juta penganut agama Hindu akan berkumpul setiap bulan *Thai* mengikut kalender Hindu di kuil-kuil tuhan Murugan yang terletak di seluruh negara untuk menyambut perayaan *Thaipusam*.

#### 1.1.4 Landskap Linguistik

Landskap Linguistik (LL) merupakan kajian mengenai penggunaan bahasa di sesuatu tempat (Landry & Bourhis, 1997). Menurut Gorter (2006), LL ialah kajian mengenai bahasa yang dipaparkan di papan tanda komersial, poster, pemberitahuan rasmi, tanda lalu lintas, papan perniagaan dan lain-lain. Scollon dan Scollon-Wong (2003) menyatakan bahawa, bahasa pada papan tanda di kawasan awam didapati sesuai dengan bahasa yang digunakan oleh masyarakat di tempat tersebut (*geopolitical location*) dan ada yang menggunakan bahasa tertentu yang tidak berkaitan dengan tempat di mana mereka berada (*sociocultural association*). Cenoz dan Gorter (2006) menyatakan bahawa LL berperanan dalam membentuk hubungan sosial. Maka kajian ini akan melihat hubungan langsung antara LL dan bahasa yang terpapar di dinding kuil-kuil terkemuka yang menyambut perayaan *Thaipusam* di Malaysia.

## 1.2 Penyataan Masalah

Bahasa kiasan mencerminkan budaya dan etika masyarakat yang menggunakan sesuatu bahasa. Seseorang yang mempelajari bahasa kiasan dapat mengekspresikan diri dengan cara yang unik dan menarik kerana bahasa kiasan mampu meningkatkan daya kreativiti dan imaginasi seseorang (Shukor, 2012). Pada zaman dahulu, bahasa kiasan merupakan bahasa halus yang digunakan secara meluas tetapi masyarakat sekarang tidak mengetahui kebaikan penggunaan bahasa kiasan dalam kehidupan harian mereka (Nuessel, 2006). Kini penggunaan bahasa kiasan dalam kehidupan seharian masyarakat didapati semakin berkurangan (Arunasalam, 2017).

Sehubungan dengan itu, pelbagai langkah boleh diambil untuk memulihkan keadaan ini. Salah satunya adalah menggunakan bahasa kiasan di tempat-tempat awam supaya ramai orang dapat mengetahui, mempelajari dan meningkatkan penggunaan bahasa kiasan dalam kehidupan mereka. Lazimnya di Malaysia, penggunaan bahasa kiasan dapat dilihat di persekitaran sekolah (Andriyanti, 2019) dan pada papan tanda dan dinding kuil Hindu (Ranee, 2015). Oleh itu, kajian ini memilih kuil-kuil Hindu untuk melihat penggunaan bahasa kiasan. Kuil merupakan salah satu tempat yang kerap dikunjungi oleh para penganut untuk menjalankan aktiviti keagamaan, pemujaan, perkahwinan dan lain-lain (Mazumdar, 2004). Sekolah pula tidak dijadikan sebagai lokasi kajian kerana pelajar sekolah mempunyai pengetahuan dan penguasaan tentang bahasa kiasan (Musanif, Hamzah, Yaakob & Su, 2011). Perkara ini kerana bahasa kiasan merupakan salah satu aspek yang penting yang diajar kepada pelajar-pelajar di sekolah. Oleh itu, kajian ini memilih tempat ibadat untuk melihat bahawa adakah orang awam iaitu masyarakat India mempunyai pengetahuan terhadap bahasa kiasan.

Kajian ini memilih kuil-kuil Hindu yang terkenal dalam sambutan perayaan *Thaipusam* untuk melihat penggunaan bahasa kiasan di kuil tersebut. Tujuan utama memilih kuil yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah kerana *Thaipusam*

merupakan salah satu perayaan yang popular dalam kalangan masyarakat yang beragama Hindu (Tangamalar, 2014). Selain itu, beribu-ribu penganut beragama Hindu dan juga pelancong membanjiri kuil-kuil Hindu yang terpilih dalam kajian ini semasa menyambut perayaan dan dengan tujuan melawat (Berita Harian, 2020). Perkara ini menyediakan peluang kepada ramai penganut yang beragama Hindu dan juga pelancong yang mengunjungi ke kuil-kuil tersebut untuk mengetahui dan mempelajari bahasa kiasan berbanding dengan kuil-kuil biasa.

Tambahan pula, bahasa yang digunakan di sesuatu tempat menunjukkan ciri-ciri yang berbeza berdasarkan Prinsip Penstrukturan Landskap Linguistik (Ben-Rafael, 2009). Ciri-ciri berdasarkan Prinsip Penstrukturan LL ini mewujudkan daya tarikan terhadap pengguna atau pembaca untuk membaca dan mengetahui bahasa pada papan tanda (Ben-Rafael, 2009). Bukan itu sahaja, ciri-ciri ini membantu memahami kandungan pada papan tanda dan dinding. Oleh itu, penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti jenis bahasa kiasan dan membincangkan ciri bahasa kiasan berdasarkan Prinsip Penstrukturan Landskap Linguistik serta mengkaji perspektif pengunjung terhadap bahasa kiasan yang terdapat di kuil-kuil Hindu.

### **1.3 Objektif Kajian**

Penyelidikan ini dijalankan berdasarkan tiga objektif utama. Objektif pertama adalah untuk mengenal pasti jenis bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding di kuil-kuil Hindu di Malaysia. Objektif yang kedua pula adalah untuk membincangkan ciri bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding di kuil-kuil Hindu di Malaysia berdasarkan Prinsip Penstrukturan Landskap Linguistik. Objektif terakhir adalah meninjau perspektif pengunjung terhadap bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding di kuil-kuil Hindu di Malaysia.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Penyelidikan ini dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut. Persoalan-persoalan kajian ini adalah:

- i. Apakah jenis bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding di kuil-kuil Hindu di Malaysia ?
- ii. Bagaimanakah ciri bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding di kuil-kuil Hindu di Malaysia berdasarkan Prinsip Penstrukturan Landskap Linguistik ?
- iii. Apakah perspektif pengunjung terhadap bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding di kuil-kuil Hindu di Malaysia ?

## 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai kuil, Landskap Linguistik dan bahasa kiasan dalam bahasa Tamil kurang dijalankan dan ditemui. Oleh itu kajian yang telah dijalankan mengenai bahasa kiasan berdasarkan LL memberikan pengetahuan dan pemahaman tentang tiga aspek tersebut. Kajian yang dijalankan telah menerangkan bahawa adakah bahasa yang terdapat di kuil dipaparkan di tempat yang bersesuaian dengan mematuhi Prinsip Penstrukturan LL. Perkara ini dipentingkan kerana kegunaan sesuatu bahasa kiasan mesti ditentukan dimana ianya dipaparkan bagi tujuan menarik perhatian penganut. Kajian ini menjelaskan adakah bahasa kiasan yang digunakan di kuil dapat dibaca atau difahami oleh penganut agama Hindu. Selain itu, penyelidikan ini juga menjadi sebagai panduan kepada pengkaji yang mempunyai minat terhadap LL dan bahasa kiasan. Kajian ini memberikan kesedaran terhadap penggunaan bahasa kiasan yang dipaparkan dalam kuil-kuil Hindu di Malaysia. Seterusnya, kajian ini juga memberikan maklumat mengenai penggunaan bahasa kiasan di kuil yang menyambut perayaan *Thaipusam*.

## 1.6 Batasan Kajian

Penyelidikan ini dijalankan di kuil-kuil Hindu yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah sahaja. Latar belakang dan lokasi kuil-kuil tersebut telah disenaraikan dan diterangkan dalam lokasi kajian. Kuil-kuil ini dipilih untuk kajian ini kerana menjadi tumpuan ribuan penganut agama Hindu. Selain itu, kuil-kuil ini juga mempunyai keunikan tersendiri yang menarik ramai penganut dan pelancong untuk mengunjungi ke kuil tersebut. Masyarakat India menyambut pelbagai perayaan tetapi kajian ini memilih perayaan *Thaipusam* sahaja. Perayaan ini dirayakan oleh berjuta-juta penganut Hindu di seluruh negara sebagai penghormatan untuk dewa Murugan dan kerajaan memberi cuti umum untuk perayaan *Thaipusam*. Tambahan pula, siaran langsung tentang perayaan *Thaipusam* di kuil-kuil tersebut boleh ditonton oleh penganut agama Hindu di RTM. Bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding kuil

sahaja telah dijadikan sebagai data kajian. Akhirnya, temu bual hanya dijalankan bersama penganut agama Hindu yang mengunjungi ke kuil-kuil yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah di Malaysia dan pengurus kuil tersebut.

## **1.7 Definisi Istilah**

### **1.7.1 Konsep Landskap Linguistik**

Linguistik Landskap (LL) adalah trend analisis baru yang memfokuskan penggunaan bahasa di ruang awam. Kajian ini pada awalnya diusulkan oleh Landry dan Bourhis (2008). Linguistik Landskap merujuk kepada keterlihatan dan keunggulan bahasa pada tanda awam dan komersial di sesuatu tempat. Kajian mengenai LL lebih lanjut menunjukkan bahawa LL bukan hanya mengenai penggunaan bahasa di ruang awam tetapi juga melibatkan refleksi, status bahasa dan keadaan budaya masyarakat (Gorter, 2006). Papan tanda dan dinding yang memaparkan sesuatu informasi atau maklumat terdapat di sesuatu kawasan menggambarkan keunikan, identiti tempat dan kumpulan penutur di kawasan tersebut (Ben-Rafael, 2008).

### **1.7.2 Bahasa Kiasan**

Bahasa kiasan sering digunakan untuk menerangkan dan menjelaskan sesuatu perkara atau maklumat, dengan membandingkan perkara atau maklumat dengan secara langsung atau perbandingan. Bahasa kiasan biasanya digunakan untuk menghasilkan tulisan yang lebih menarik. Bahasa kiasan digunakan dalam mana-mana bentuk komunikasi, seperti perbualan harian, artikel, surat khabar, iklan, novel, puisi dan lain-lain. Bahasa kiasan menghubungkan sebarang objek atau watak dengan makna simbolik (Harya, 2017). Bahasa kiasan seperti peribahasa, perumpamaan, simpulan bahasa menjadi sebahagian daripada cara hidup masyarakat. Kiasan juga memancarkan pandangan hidup, nilai dan cara berfikir masyarakat yang menggunakan sesuatu bahasa (Azma & Fuad, 2011).

## **1.8 Kesimpulan**

Bab satu telah membincangkan pengenalan kajian, pernyataan masalah objektif, persoalan kajian, skop kajian dan definisi operasi Linguistik Lanskap dan bab seterusnya akan membincangkan tentang kajian-kajian lepas berkaitan dengan bahasa kiasan dan linguistik lanskap.

Universiti Malaya

## **BAB 2: TINJAUAN KAJIAN LEPAS**

### **2.0 Pengenalan**

Kajian-kajian lepas mengenai bahasa kiasan, Landskap Linguistik (LL) dan tempat ibadat dijadikan sebagai panduan untuk menjalankan penyelidikan mengenai bahasa kiasan yang terdapat pada papan tanda dan dinding kuil telah dijelaskan secara rinci di bahagian ini. Tinjauan kajian ini meliputi kajian-kajian lepas tentang Bahasa kiasan, Linguistik Lanskap dan tempat ibadat.

### **2.1 Kajian mengenai Bahasa Kiasan**

Subramaniam (2015) menjalankan kajian terhadap penggunaan bahasa kiasan dalam drama Nadhaswaram. Penyelidikan ini mempunyai tiga objektif utama iaitu mengenal pasti jenis bahasa kiasan, membincangkan maksud tersurat dan tersirat bahasa kiasan dan menghuraikan keistimewaan dan keunikan bahasa kiasan Tamil dalam drama Tamil bersiri Nadhaswaram. Kajian ini menggunakan teori tradisional yang dikenalkan oleh Keraf (1994) untuk menganalisis jenis bahasa kiasan. Dalam drama tersebut terdapat 50 bahasa kiasan dan lima jenis bahasa kiasan digunakan iaitu pepatah, perumpamaan, simpulan bahasa, perkataan berganda dan *Solavadai*. Jenis bahasa kiasan simpulan bahasa mencatat jumlah penggunaan yang tinggi dalam drama Nadhaswaram. Kajian lepas ini membantu untuk bagaimanakah menganalisis jenis bahasa kiasan dan meneliti jenis yang manakah mencatat jumlah yang lebih tinggi.

Kajian yang dijalankan oleh Zafirah (2016) bertujuan untuk mengkaji jenis bahasa kiasan dan menganalisis kaedah yang digunakan untuk menterjemahkan bahasa kiasan yang terdapat dalam novel *A Ray of Light Among The Leaves*. Dalam kajian ini pengkaji telah mengikuti cadangan yang diutarakan oleh Abdullah Hassan (1993) mengenai jenis bahasa kiasan. Abdullah Hassan (1993) menyatakan bahawa bahasa



kiasan dibahagikan kepada dua jenis iaitu bahasa kiasan peribahasa dan bahasa kiasan bukan peribahasa. Bahasa kiasan peribahasa terbahagi kepada empat iaitu simpulan bahasa, pepatah, perumpamaan dan bidalan manakala bahasa kiasan bukan peribahasa terbahagi kepada tiga iaitu personifikasi, metafora dan juga hiperbola. Novel ini menggambarkan kehidupan masyarakat Melayu tradisional dan disampaikan dalam bentuk yang menarik supaya mendapat sambutan baik daripada para pembaca. Pengkaji menggunakan pendekatan yang dikemukakan oleh Vinay dan Dalbenet (2000) untuk menentukan kaedah terjemahan dalam menterjemahkan bahasa kiasan yang terdapat dalam novel ini. Kajian mengenai jenis bahasa kiasan dapat membantu untuk menganalisis jenis bahasa kiasan yang terdapat di kuil-kuil Hindu. Walaupun jenis bahasa kiasan dalam kajian lepas ini terdapat dalam bahasa Melayu tetapi kajian-kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan untuk mengkaji bahasa kiasan bahasa Tamil secara terperinci dalam kajian ini.

Tangaprabu (2020) telah menjalankan kajian mengenai perkataan gajah yang didapati dalam bahasa kiasan Tamil. Kajian ini mengkaji makna implisit peribahasa Tamil dan menganalisis unsur budaya yang terdapat dalam peribahasa tersebut. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk mengumpul data iaitu peribahasa Tamil yang menggunakan perkataan gajah. Kaedah temu bual secara mendalam pula dipilih bagi menemubual orang tua, penduduk tetap, orang yang tinggal luar bandar dan orang awam. Hasil kajian menunjukkan bahawa setiap peribahasa yang mengandungi perkataan gajah digunakan berdasarkan beberapa sebab seperti agama, sejarah dan budaya. Kajian mengenai makna implisit bahasa kiasan Melayu pula dijalankan oleh Afiah dan Hashimah (2017). Kajian ini menerangkan bahasa kiasan dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu peribahasa, perumpamaan, simpulan bahasa. Pengkaji mengumpul data mengikut bahasa kiasan yang berunsurkan deria rasa. Artikel ini mengatakan bahawa kebanyakan bahasa kiasan menggunakan bahasa deria rasa masam

dan pahit dalam komunikasi masyarakat Melayu. Data kajian iaitu peribahasa dikumpul dari tiga buah kamus. Kedua-dua kajian ini membuktikan bahawa peribahasa Melayu dan Tamil mempunyai kaitan yang rapat dengan budaya dan akal budi kaum sendiri. Kajian-kajian lepas ini dijadikan sebagai panduan untuk melihat adakah bahasa kiasan yang dikumpul di kuil-kuil Hindu mengandungi elemen budaya masyarakat Hindu.

Nursolihat dan Kareviati (2020) telah menjalankan kajian mengenai bahasa kiasan yang terdapat dalam lirik lagu “A Whole New World” yang ditulis dan dinyanyikan oleh Zayn Malik dan Zhavia Ward. Kajian ini telah mengenal pasti bahasa kiasan dalam lirik lagu tersebut dan mengkaji makna kontekstual bahasa kiasan. Terdapat banyak jenis bahasa kiasan digunakan dalam lirik untuk menyampaikan makna atau idea secara tersirat. Pengkaji menyimpulkan bahawa jenis bahasa kiasan metafora adalah paling banyak digunakan berbanding jenis bahasa kiasan yang lain. Jenis metafora ini membantu idea atau maklumat yang terdapat dalam lirik lagu dapat disampaikan secara mudah kepada pembaca atau pendengar lagu tersebut. Kajian ini membantu bagi menganalisis makna bahasa kiasan Tamil yang terkumpul di kuil-kuil Hindu.

Susilawati, Sartika dan Solihin (2022) menjalankan kajian mengenai makna dan jenis simpulan bahasa yang terdapat dalam 18 buah lagu Sumbawa. Kaedah kualitatif dipilih sebagai kaedah kajian ini. Data bagi kajian ini diperolehi melalui temu bual, dokumentasi dan rakaman. Bagi menganalisis data kajian, teori Leech (1974) digunakan untuk mengkategorikan jenis-jenis simpulan bahasa dan makna simpulan bahasa. Pengkaji memfokuskan kepada dua jenis makna iaitu makna denotatif dan konotatif dalam kajian ini. Selain teori ini, pengkaji turut menggunakan teori Sudaryat (2011) untuk mengklasifikasikan jenis simpulan bahasa yang terkandung dalam 18 buah lagu Sumbawa. Berdasarkan analisis, didapati 18 simpulan bahasa yang digunakan lagu Sumbawa. Sebanyak lima simpulan bahasa tergolong dalam simpulan bahasa separa dan

sebanyak 13 simpulan bahasa termasuk simpulan bahasa penuh. Kebanyakan simpulan bahasa ini mengandung makna yang berguna kepada kehidupan manusia kini. Kajian-kajian lepas ini dijadikan sebagai panduan untuk melihat adakah bahasa kiasan Tamil mengandung elemen yang berguna kepada kehidupan manusia.

Palupi, M. (2021) telah menjalankan kajian untuk menganalisis bahasa kiasan dalam puisi. Orang ramai berminat membaca buku sastera kerana sastera membuatkan mereka faham tentang kehidupan, manusia dan alam. Selain itu, membaca buku sastera juga boleh mendapat keseronokan. Bahasa yang digunakan dalam puisi menjadikan lebih kompleks. Bahasa kiasan dapat membuat puisi yang menarik. Penggunaan bahasa kiasan penting untuk mengetahui maksud puisi. Kadangkala manusia membaca puisi tanpa memahami maksud yang disampaikan. Puisi ialah himpunan perkataan yang mengekspresikan emosi atau idea ke dalam teks sastera. Dalam puisi terdapat banyak unsur bahasa. Kajian ini membuktikan puisi bahasa Inggeris dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran perbendaharaan kata mereka. Puisi meningkatkan kemahiran mendengar perkataan demi perkataan yang disampaikan daripada pembaca puisi. Kajian ini mengkaji unsur-unsur bahasa untuk memahami karya sastera secara keseluruhan dan menerangkan bagaimana menganalisis baris demi baris yang terdapat dalam puisi. Oleh itu, kajian ini membantu untuk mempelajari tentang struktur, bentuk, bahasa, corak dan temanya. Dengan ini, kajian ini membantu bagaimana mengkaji makna sesebuah puisi secara mendalam dan juga dapat diterima secara meluas agar pembaca tertarik untuk mengetahui lebih lanjut tentang puisi.

Hastuti (2022) menjalankan kajian untuk melihat bagaimana bahasa kiasan menyumbang kepada komunikasi artistik tidak langsung dengan indah dalam meningkatkan pelbagai imaginasi kepada ekspresi dan perasaan tertentu. Satu tema yang paling biasa berkaitan dengan perasaan ialah cinta, yang sering digambarkan dalam pelbagai cara. Maya Angelou mengarang puisinya *Touched by An Angel* dan

*When You Come* untuk menyatakan perasaan cinta dalam dimensi yang berbeza. Kajian ini adalah untuk mendedahkan dan membandingkan penggunaan bahasa kiasan dalam penggambaran cinta seperti yang tersirat dalam puisi cinta pilihan Angelou. Data dikumpul menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan analisis dilakukan secara deskriptif. Hasil kajian mendedahkan bahawa kedua-dua puisi Angelou mempunyai tiga peringkat cinta dengan pendekatan yang berbeza. Bahasa kiasan berdasarkan pembahagian Kennedy termasuk yang komparatif dan bercanggah. *Touched by An Angel* mengandungi kedua-dua bahasa kiasan perbandingan dan bercanggah, manakala *When You Come* hanya mempunyai satu bahasa perbandingan. Personifikasi adalah satu-satunya kiasan yang terdapat dalam kedua-dua puisi. Simile dan metafora terdapat dalam puisi yang terakhir. Tokoh tutur yang bercanggah iaitu hiperbola, ironi, dan paradoks terdapat dalam sajak pertama. Perkara ini menunjukkan bahawa Angelou menekankan pada bahasa kiasan perbandingan secara konsisten dan bahasa kiasan yang bercanggah sekali-sekala untuk penggambaran cinta dalam puisinya. Kajian ini dijadikan sebagai panduan untuk melihat bagaimana menganalisis bahasa kiasan yang terdapat di kuil-kuil Hindu di Malaysia.

Dwike (2022) menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan penggunaan bahasa kiasan pada ucapan kemenangan Joe Biden. Di dalam penyelidikan ini, masalah telah timbul tentang jenis bahasa kiasan yang digunakan oleh Joe Biden dalam ucapan kemenangan dan apakah maksud setiap bahasa kiasan yang digunakan oleh Joe Biden dalam ucapan kemenangan. Metodologi yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah kajian kualitatif dan pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis dokumen atau kandungan adalah kaedah penyelidikan digunakan pada bahan bertulis atau visual bagi tujuan mengenal pasti ciri-ciri tertentu. Data dalam penyelidikan ini ialah ucapan kemenangan oleh Joe Biden. Selepas menyiasat jenis-jenis bahasa kiasan pada ucapan kemenangan oleh Joe Biden, penyelidik mendapati sejumlah 86 ayat yang

mengandung contoh bahasa kiasan pada ucapan kemenangan Joe Biden. Joe Biden menggunakan lima jenis bahasa kiasan yang digunakan pada ucapan kemenangan oleh Joe Biden daripada tujuh jenis bahasa kiasan dicadangkan oleh Lintah. Lima jenis bahasa kiasan yang digunakan dalam ucapan kemenangan oleh Joe Biden ialah metafora, personifikasi, hiperbola, simile, dan litotes. Antara lima jenis bahasa kiasan sering digunakan pada ucapan kemenangan Joe Biden adalah metafora. Metafora digunakan dalam 44 ayat, personifikasi digunakan dalam 34 ayat, hiperbola pula digunakan dalam lima ayat, simile digunakan dalam dua ayat dan litotes pula digunakan dalam satu ayat. Kajian lepas ini membantu bagaimana mengenal pasti bahasa kiasan yang terdapat di kuil-kuil Hindu.

Syafriani (2022) pula menjalankan kajian yang tertumpu kepada analisis bahasa kiasan yang digunakan dalam puisi *The Tiger* oleh William Blake. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui jenis kiasan yang digunakan dalam puisi *The Tiger* karya William Blake. Setelah menganalisis dan mengklasifikasikan terdapat 18 jenis bahasa kiasan yang ditemui oleh penyelidik. Bahasa kiasan yang terdapat dalam kajian ini ialah simile, metafora, personifikasi, alegori, hiperbola, litotes, ironi, oksimoron, lumpuh, zeugma, paradoks, metonim, *synecdoche*, *allusion*, aliterasi dan pengulangan. Kajian ini dapat disimpulkan hiperbola merupakan sejenis bahasa kiasan yang dominan digunakan dalam puisi *The Tiger*. Hiperbola ialah jenis bahasa kiasan yang menambah keterlaluan. Didapati hiperbola digunakan pada tiga barisan dalam puisi *The Tiger*. Contoh data yang terdapat dalam kajian ini ialah membakar api mata. Maksud ayat ini ialah membakar mata seperti api. Perkara ini adalah keterlaluan kenyataan dapat membuktikan ayat ini merupakan jenis bahasa kiasan hiperbola. Selain itu, jenis bahasa kiasan metonimi dan pengulangan juga terdapat dalam puisi ini. Pada akhir kajian ini pengkaji telah membuat kesimpulan bahawa bahasa kiasan menjadikan sesuatu penulisan lebih bermakna.

penggunaan tanda dwibahasa dan berbilang bahasa dan sikap kerajaan tempatan pegawai, pemilik kedai atau pekerja, pelancong domestik dan antarabangsa terhadap penggunaan bahasa Cina dan bahasa Inggeris. Kedua-dua kaedah kuantitatif dan kualitatif digunakan untuk meneroka subjek kajian. Secara khusus, kamera digital digunakan untuk pengumpulan data analisis kuantitatif dan soal selidik, temu bual juga digunakan untuk analisis data. Analisis hasil kajian menunjukkan bahawa linguistik landskap Jalan Fuhui dan Jalan Xinhua menunjukkan perbezaan yang ketara. Kajian ini dijadikan sebagai panduan untuk mengkaji penggunaan bahasa di lima buah kuil Hindu yang terpilih dalam kajian ini.

Yusuf, Mukrozah dan Jannah (2022) telah menjalankan kajian untuk melihat tulisan atau teks di ruang awam, biasanya dirujuk sebagai landskap linguistik, termasuk ruang awam pendidikan. Kaedah kualitatif dan kuantitatif digunakan untuk menganalisis kehadiran landskap linguistik. Hasil pemerhatian menunjukkan bahawa penggunaan borang yang ditulis dalam bahasa Indonesia masih berleluasa, diikuti dengan penggunaan borang yang ditulis dalam bahasa asing seperti bahasa Arab dan Inggeris. Hal ini sangat umum kerana pendidikan di Indonesia umumnya masih menggunakan bahasa persatuan bangsa, walaupun sudah tentu tidak melupakan kepentingan bahasa asing khususnya bahasa antarabangsa.

Erikha (2018) telah menjalankan kajian terhadap papan nama jalan kerajaan. Kajian ini merupakan sebuah kajian LL. Pengkaji mengkaji fungsi simbolik dan informasi pada papan nama jalan kerajaan. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti kehadiran Lanskap Linguistik (LL) di Desa Kuta. LL adalah kajian sosiolinguistik bahasa yang digunakan dalam papan tanda luaran yang pertama kali diperkenalkan oleh Landry dan Bourhis (1997). Desa Kuta merupakan salah satu destinasi pelancongan di Bali yang mengalami pengalaman hebat pembangunan kerana kesan globalisasi. Perkembangan hebat ini dapat dilihat dengan jelas melalui kehadiran papan tanda luaran

di sepanjang jalan utama Desa Kuta. Hasil kajian menunjukkan 2549 papan tanda terdapat di sepanjang jalan utama Desa Kuta. Kebanyakan papan tanda sepanjang jalan ini didapati dalam bahasa Inggeris. Bharadwaj (2018) pula menjalankan kajian mengenai bahasa yang digunakan pada papan tanda di bandar Tezpur di Assam. Objektif utama kajian ini adalah untuk melihat bahasa yang kerap digunakan pada papan tanda, mengkaji perkaitan dengan bahasa kepada komuniti, agensi, persatuan dan individu dan mengategorikan papan tanda rasmi dan bukan rasmi yang terdapat di bandar Tezpur. Assam adalah sebuah negeri yang menggunakan berbilang bahasa iaitu bahasa Inggeris, Hindi, bahasa Assam dan Bengali. Bahasa Assam dan Inggeris kerap digunakan pada papan tanda yang terdapat di bandar Tezpur di Assam. Bahasa Inggeris dan Assam yang paling banyak digunakan pada papan tanda rasmi dan tidak rasmi. Bahasa Assam yang kedua paling kerap digunakan pada papan tanda kerana bahasa tersebut menunjukkan status masyarakat Assam. Oleh disebabkan bahasa Inggeris merupakan bahasa globalisasi dan juga bahasa ini digunakan untuk mengekalkan identiti negeri Assam. Dengan panduan kedua-dua kajian tersebut, kajian ini mengenai bahasa kiasan di kuil-kuil dijalankan untuk melihat bahasa yang mana kerap digunakan pada papan tanda dan dinding kuil yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah.

Putra (2019) pula menjalankan kajian mengenai penggunaan dwi bahasa pada papan tanda jalan di Surabaya, mengkaji sebab penggunaan dwi bahasa pada papan tanda dan makna papan tanda tersebut. Sebanyak 159 papan tanda yang menggunakan dua jenis bahasa iaitu bahasa Inggeris dan Indonesia. Sebab utama penggunaan dwi bahasa pada papan tanda jalan di Surabaya adalah untuk aspek pelancongan, fesyen dan teknologi. Selain itu, di Surabaya terdapat banyak pusat membeli belah dan tapak bersejarah. Perkara ini kerana mewujudkan penggunaan dua bahasa ini pada papan tanda. Setiap papan tanda mempunyai warna, reka dan fungsi yang berbeza. Selain itu,

bandar Surabaya ini menjadi destinasi pelancongan dunia dan penggunaan kedua-dua bahasa ini memudahkan perjalanan mereka. Kajian lepas ini dijadikan sebagai panduan untuk menganalisis ciri-ciri papan tanda yang memaparkan bahasa kiasan di kuil.

Kajian mengenai amalan bahasa dalam Landskap Linguistik (LL) di Jordan telah dijalankan oleh Alomoush (2015). Bagi menentukan sejauh mana multilateralisme dicerminkan dalam LL, kaedah kualitatif dan kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Lawatan lapangan telah dijalankan di Jordan City untuk mendapat data bagi kajian ini. Irbid, Salt, Zarqa, Amman, Karak dan Aqaba merupakan antara sepuluh jalan yang terpilih sebagai lokasi kajian dari enam bandar utama di Jordan. Sebanyak 4070 gambar telah dikaji dan sebanyak 51 peratus papan tanda didapati dalam berbilang bahasa manakala 47 peratus iaitu 3967 papan tanda yang menggunakan satu jenis bahasa. Penemuan menerangkan bahawa bahasa minoriti tidak digunakan pada papan tanda. Walaupun bahasa minoriti pekerja asing cenderung untuk dipelihara, bahasa Arab dan Inggeris, fungsi instrumental Islam, dan saiz minoriti ekonomi yang kecil semuanya memainkan peranan penting dalam LL. Kajian lepas ini membantu untuk meneliti adakah bahasa yang digunakan pada papan tanda mempunyai hubungan dengan penganut yang beragama Hindu yang kerap mengunjungi ke kuil-kuil Hindu.

Jolayemi dan Olayemi (2017) menjalankan kajian mengenai papan tanda di Nigeria. Objektif utama kajian ini adalah untuk melihat maklumat yang ingin disampaikan dan mengkaji peraturan yang ditulis pada papan tanda dipatuhi oleh masyarakat Nigeria. Papan tanda sepanjang jalan raya mengandungi dan menyampaikan maklumat dalam bentuk arahan, amaran dan sebagainya kepada pengguna jalan raya. Keberkesanan papan tanda mengurangkan kemalangan jalan raya. Galily (2012) juga menjalankan kajian mengenai bahasa yang digunakan pada papan tanda jalan raya. Jenis papan tanda seperti komersial dan notis awam terdapat sepanjang jalan. Pengkaji menggunakan teori Top-Down dan Bottom-up teori untuk mengkaji data kajian. Bahasa

yang kerap digunakan pada papan tanda ialah bahasa Inggeris. Manakala Pitina (2020) menjalankan kajian mengenai pengaruh bahasa Inggeris pada Landskap Linguistik di bandar Rusia Modern. Salah satu sebab bahasa Inggeris kerap digunakan kerana bahasa tersebut merupakan bahasa globalisasi, kreatif dan fesyen. Dixon (2015) menjalankan kajian mengenai bahasa yang digunakan di Buffalo, New York. Tempat ini mempunyai sejarah imigrasi yang panjang. Kelangsungan hidup di Buffalo, seperti kebanyakannya tempat di Amerika Syarikat, melibatkan pembelajaran bahasa Inggeris. Ideologi yang sedia ada di Amerika Syarikat mempromosikan bahasa Inggeris berbanding dengan bahasa lain dan tidak sentiasa menerima atau menggalakkan kepelbagaian linguistik (Cenoz & Gorter, 2008; Dagenais, Moore, Sabatier, Lamarre, & Armand, 2009; Leeman & Modan, 2009; Papien 2012; Yanguas, 2009). Walaupun landskap linguistik sangat dominan dalam bahasa Inggeris, sebilangan besar tidak menggunakan bahasa Inggeris. Selain daripada bahasa Inggeris, bahasa yang lain dipaparkan bagi pelbagai sebab. Salah satunya adalah kehadiran penutur bukan bahasa Inggeris dalam masyarakat. Populasi yang tidak menggunakan bahasa Inggeris yang didedahkan oleh Landskap Linguistik termasuk penutur Sepanyol, bahasa Arab, bahasa Burma, Ethiopia, Nepal, Vietnam dan Somalia. Bahasa yang dituturkan oleh penduduk di Buffalo tidak ditemui dalam landskap linguistik termasuk Swahili dan Burundi. Dengan ini, kajian-kajian lepas tersebut dijadikan sebagai panduan untuk melihat bahasa yang manakah mempunyai penguasaan yang besar dan sebab penggunaan bahasa tersebut pada papan tanda dan dinding kuil.

Penyelidikan yang dijalankan oleh Olmedo & Garau (2009) menunjukkan hubungan antara bahasa yang digunakan pada papan tanda di bandar-bandar Israel. Kumpulan yang terpilih dalam kajian ini ialah Yahudi Israel, Israel Palestin dan bukan Israel Palestin dari Baitulmaqdis Timur. Kajian ini memfokuskan kepada penggunaan tiga bahasa utama dalam papan tanda awam dan persendirian iaitu Hebrew, Arab dan

*Modern Standard Arabic*. Selain itu, kajian ini menyediakan peluang untuk mereka semula papan tanda yang terdapat kawasan tersebut. Sebab utama pertukaran papan tanda kerana menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat dikaji. Kerangka teori yang diperkenalkan oleh Ben-Rafael (2009) digunakan untuk menganalisis data kajian. Para penyelidik mendapati bahawa papan tanda awam dan persendirian menggunakan prinsip hubungan kuasa dan tujuan yang baik. Kajian ini telah menerangkan secara teliti tentang kepentingan empat prinsip penstrukturan iaitu persembahan diri (*Presentation Of Self*), hubungan kuasa (*Power Relation*), alasan yang munasabah (*Good Reason*) dan identiti kolektif (*Collective Identity*) seperti yang dicadangkan oleh Ben-Rafael (2008). Kerangka kerja yang digunakan dalam kajian ini membantu untuk menganalisis bahasa yang digunakan pada papan tanda yang terdapat di kawasan ini. Safitri (2020) pula menjalankan kajian mengenai bahasa yang digunakan di tiga bandar *Chinatown* di Surabaya. Bahasa merupakan aspek penting dalam komunikasi dalam masyarakat. Surabaya menjadi kota untuk ramai orang dari pelbagai negara untuk melawat dan tinggal. Kemunculan etnik yang berbeza menyebabkan percampuran kumpulan tersebut berlaku di kota Surabaya. Pelbagai etnik boleh ditemui di Surabaya, seperti Jawa, Madura, Bali dan Sulawesi. Daripada kajian yang telah dilakukan, didapati bahawa bahasa Indonesia digunakan secara meluas dan diikuti dengan bahasa Inggeris dan Cina. Kawasan yang dipanggil *Chinatown* di Surabaya tidak menggunakan bahasa Cina. Penguasaan bahasa Indonesia digunakan secara luas disebabkan oleh beberapa alasan yang dikemukakan daripada pembina papan tanda. Mereka berhujah bahawa penggunaan bahasa Indonesia dalam lanskap bertujuan untuk penyampaian mesej kepada pembaca papan tanda dan boleh difahami dengan baik. Kewujudan etnik Cina di kawasan itu juga memberi impak yang rendah kepada Landskap Linguistik. Kerangka teori iaitu Prinsip Penstrukturan yang digunakan dalam kajian-kajian lepas ini



membantu untuk menganalisis ciri-ciri papan tanda yang memaparkan bahasa kiasan di kuil-kuil Hindu.

Supramani (2013) menjalankan kajian mengenai penggunaan bahasa di Brickfield Little India, Malaysia. Little India merupakan salah satu tempat yang terkenal dalam kalangan masyarakat Hindu di Malaysia. Salah satu sebabnya ialah tempat ini merupakan pusat perdagangan. Sebab utama kajian mengenai penggunaan bahasa di Brickfields Little India dijalankan kerana untuk melihat bahasa yang manakah mempunyai penguasaan tertinggi di kawasan tersebut. Kebanyakan papan tanda yang terdapat di Brickfield Little India yang terletak di Malaysia ini menggunakan bahasa Inggeris secara luas berbanding dengan bahasa Tamil. Pelbagai alasan dan pendapat di perolehi daripada orang awam, pengurus kedai tentang penggunaan bahasa Inggeris pada papan tanda. Para penyelidik membuat hipotesis bahawa penggunaan bahasa Inggeris yang meluas adalah disebabkan oleh globalisasi. Dengan ini, kajian mengenai bahasa kiasan di kuil-kuil Hindu dijalankan untuk melihat bahasa yang manakah mempunyai penguasaan yang tinggi.

### 2.2.2 Kajian LL di Tempat Ibadat

Kajian mengenai penggunaan bahasa di tempat ibadat yang terdapat di kawasan Kuala Lumpur dijalankan oleh Coluzzi dan Kitade (2015). Tempat ibadat seperti masjid, gurdwara, gereja, tokong Cina dan kuil dipilih sebagai lokasi kajian. Kaedah kualitatif telah digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data. Pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual untuk mengumpul data. Dalam kajian ini, papan tanda yang terdapat di tempat ibadat merupakan data utama dan bahasa Inggeris adalah bahasa yang paling kerap digunakan di papan tanda tersebut. Kajian lepas ini menganalisis papan tanda yang terdapat di sesuatu tempat dan mengkaji bahasa yang digunakan dalam papan tanda tersebut yang telah ditetapkan mengikut tahap penguasaan bahasa penduduk di sesuatu kawasan tersebut. Dengan ini, kajian mengenai bahasa kiasan di kuil-kuil Hindu melihat adakah penggunaan bahasa kiasan yang didapati dalam bahasa Tamil ataupun bahasa yang lain.

Priangkah (2019) menjalankan kajian mengenai ciri-ciri landskap linguistik di kuil Batu Caves. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti jenis dan ciri papan tanda yang terdapat di kuil Batu Caves. Kajian ini menggunakan dua teori iaitu “top down” dan “bottom up” dan Prinsip Penstrukturan LL yang dikenalkan oleh Ben-Rafael(2009). Tujuan utama kajian ini dijalankan bagi mengetahui penggunaan papan tanda di kuil tersebut menekankan ciri budaya ataupun pelancongan. Kajian lepas ini dijadikan sebagai panduan untuk melihat papan tanda yang memaparkan bahasa kiasan di kuil-kuil Hindu menunjukkan ciri budaya.

Kajian yang dijalankan oleh Kalidos (1984) bertujuan untuk mengkaji bahasa-bahasa yang digunakan sebagai tanda umum di tempat-tempat ibadat di Surabaya. Kawasan ini ditinggal oleh masyarakat yang berbilang kaum. Sebanyak 386 papan

tanda awam dikumpulkan untuk menjalankan kajian. Seperti yang dinyatakan oleh Landry dan Bourhis (1997), data yang dikumpul kemudiannya dianalisis berdasarkan teori linguistik landskap. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa sebagai tanda umum yang terdapat di sepuluh tempat ibadat yang berbeza. Bahasa Indonesia yang paling kerap digunakan di masjid, gereja, dan kuil Buddha. Bahasa Cina pula digunakan di kuil Cina manakala bahasa Indonesia dan Bali hampir mempunyai kedudukan yang sama di kuil Hindu. Inya (2019) pula menjalankan kajian mengenai papan tanda agama di kawasan Nigeria. Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat hubungan di antara bahasa yang digunakan pada papan tanda dan implikasi terhadap identiti, globalisasi dan budaya. Sebanyak 53 papan tanda di pilih dalam kajian ini. Kawasan yang dipilih adalah berdasarkan tahap aktiviti dan bilangan papan tanda agama yang dipaparkan. Data kajian pula dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Bahasa Inggeris digunakan secara meluas pada papan tanda berbanding dengan bahasa yang lain. Penggunaan teks Yoruba yang digunakan pada papan tanda mendedahkan alasan agama-budaya dan setia manakala penggunaan bahasa Arab disahkan keterikatan dengan agama Islam, dan memupuk identiti kolektif berasaskan agama antara penulis dan pembaca papan tanda.

Mulyawan, Paramarta dan Suparwa (2022) menjalankan kajian di Kuil Batukau iaitu sebuah kuil Hindu terpencil di lereng Gunung Batukau, tidak dapat dielakkan lagi menjalani fungsi lanjutan kuil Hindu daripada tapak rohani semata-mata kepada destinasi rohani dan pelancongan. Status tambahan sebagai destinasi pelancongan ini seterusnya mengubah wajah bahasa isyarat luar di kuil. Kajian ini menyiasat pertandingan bahasa semasa tanda-tanda luar di kuil berbanding dengan status asalnya sebagai tempat perlindungan rohani. Data didokumentasikan melalui kaedah pemerhatian terus dengan teknik fotografi. Pada masa yang sama, data perbandingan keadaan sebelumnya dikumpul daripada pelbagai sumber dalam talian awam. Hasilnya

menunjukkan bahwa persembahan skrip Bali adalah kurang menonjol daripada skrip rumi. Ia dianggap sebagai fungsi simbolik untuk menekankan identiti Bali di kawasan itu. Kehadiran bahasa Indonesia dan Inggeris sangat bergantung pada mesej dan lokasi mereka. Mereka memainkan peranan mereka dalam papan tanda luar yang tidak berkaitan dengan rohani, seperti papan tanda maklumat tentang alam sekitar, pendidikan, isu sanitasi dan papan tanda larangan yang berkaitan dengan status kuil sebagai tempat suci. Tambahan pula, semua bahasa digunakan dalam tanda pencegahan Covid-19.

Widya Purnawati, Artawa dan Satyawati (2022) menjalankan kajian untuk menjelaskan persaingan bahasa di luar papan tanda yang terdapat di kawasan warisan Jalan Gajah Mada dari segi landskap linguistik dan bagaimana pelaksanaan dasar kerajaan untuk penggunaan bahasa di ruang awam. Kawasan warisan Jalan Gajah Mada pada asalnya merupakan pusat perdagangan tetapi baru-baru ini ia mula dibangunkan menjadi tarikan pelancong kota lama Denpasar. Kajian dilakukan dengan menganalisis 275 gambar papan tanda luar yang diambil di sepanjang Jalan Gajah Mada. Foto-foto tersebut dikelaskan berdasarkan jenis luaran papan tanda, pembuat, bilangan bahasa, bilangan skrip. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahasa yang kebanyakannya digunakan dalam papan tanda luar di kawasan ini adalah Indonesia, walaupun kedai-kedai itu kebanyakannya dimiliki oleh Keturunan Cina dan beberapa keturunan India dan Arab. Kajian ini juga menunjukkan bahawa papan tanda luar boleh mempunyai satu, dua, tiga, atau pun empat bahasa secara serentak. Bagi papan tanda luar itu guna tiga dan empat bahasa, dua-dua pasti bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris. Selaras dengan Peraturan Gabenor Bali Provinsi Nombor 80 Tahun 2018, khususnya dengan peraturan penggunaan tulisan Bali dan Rom, pelaksanaan dasar kerajaan telah tidak

dilaksanakan secara konsisten. Kajian ini dijadikan sebagai panduan untuk bagaimana mengkaji bahasa yang terdapat papan tanda di kuil-kuil Hindu.

Moriarty (2015) mengkaji landskap linguistik (LL) Dingle di pesisir pantai Barat Daya Ireland. Dingle ialah ruang pelancongan popular yang terletak di dalam sempadan Gaeltacht dan menawarkan suasana unik untuk pemeriksaan isu-isu yang lazim dalam sosiolinguistik termasuk keaslian dan komodifikasi. Secara khususnya isu-isu ini diteliti melalui analisis linguistik dan sumber semiotik lain yang diambil dalam ruang pelancongan ini. Bahasa yang digunakan di Dingle ialah bahasa Ireland. Bahasa ini merupakan bahasa tempatan dan kebanyakan masyarakat yang berkemahiran bahasa tersebut. Kajian ini dijadikan sebagai panduan untuk mengkaji sebab-sebab penggunaan bahasa pada papan tanda yang memaparkan bahasa kiasan.

### **2.2.3 Kajian LL di Tempat pelancongan**

Jaworski (2010) menjalankan kajian mengenai sosiolinguistik Landskap Linguistik (LL) yang menangani kewujudan bersama bahasa Inggeris dengan bahasa tempatan (cth. Backhaus, 2007; Cenoz & Gorter, 2006; Edelman, 2006). Kebanyakan kajian lepas tentang bahasa Inggeris yang berinteraksi dengan bahasa lain di destinasi pelancongan semakin berkembang. Selalunya diandaikan bahawa bahasa Inggeris dijangka oleh pelancong antarabangsa. LL S'Arenal di Mallorca (Kepulauan Balearic), memberi perhatian khusus kepada bahasa Inggeris sebagai lingua franca. Jangkaan dan persepsi yang ditunjukkan oleh 224 responden dari pelbagai negara yang bercuti di S'Arenal berbeza. Pendedahkan corak interaksi bahasa yang kompleks serta layanan istimewa yang diterima oleh bahasa Inggeris dalam LL.

Kajian mengenai landskap linguistik di Muzium Istana di Beijing, China dijalankan oleh Lee dan Xiao (2019). Dengan perhatian khusus diberikan kepada

persepsi tempatan dan ciri dinamik sumber semiotik Inggeris. Data penyelidikan diperoleh daripada pelbagai sumber termasuk gambar digital teks yang dipaparkan, Data diperolehi daripada soal selidik dan temu bual dengan pelancong dan pekerja perkhidmatan. Keputusan menunjukkan bahawa walaupun bahasa Cina digunakan secara luas berbanding dengan bahasa Inggeris di Muzium Istana ia menawarkan perkhidmatan awam dan maklumat pengenalan pelancongan asas kepada pelancong antarabangsa. Pendekatan analisis data ini menyediakan cara untuk memahami bahasa Inggeris sebagai amalan sosial yang dinamik dari kedua-dua perspektif temporal dan spatial. Berdasarkan penemuan, kelaziman dan pengedaran bahasa Inggeris di Muzium Istana adalah hasil daripada tindakan bersama antara pelbagai kuasa, faktor pasaran, dasar kerajaan dan persekitaran semula jadi adalah yang utama. Kajian lepas ini membantu untuk menganalisis data kajian yang diperolehi melalui temu bual.

Kajian mengenai bahasa yang digunakan samasa menulis nama tempat pada papan tanda rasmi di Norway, Scotland dijalankan oleh (Puzey, 2008). Kajian ini mengkaji teks persekitaran yang berbilang bahasa dan menganalisis fungsi nama tempat, kontroversi secara terperinci dengan merujuk kepada perundangan dan reaksi daripada orang ramai dan media. Fungsi utama papan tanda jalan adalah untuk mengarahkan pengembara, namun mereka juga boleh bertindak sebagai penanda sempadan, termasuk sempadan linguistik. Di samping itu, papan tanda memberikan bukti visual tentang nama tempat dalam landskap. Kajian tentang nama tempat pada papan tanda masih berkembang, tetapi penyiasatan sebegini boleh memberi penerangan baharu tentang kepentingan simbolik nama tempat untuk identiti. Kajian ini membandingkan konteks bahasa minoriti yang berbeza di Norway, Scotland dan Itali.

### 2.3 Kajian mengenai tempat ibadat

Kajian mengenai makna simbol kuil Saivism Alam dalam kalangan Hindu di Kuil Nagamma yang terletak di Bangi, Selangor dijalankan oleh (Mathavi, 2017). Kuil ini merupakan sebuah tempat ibadat yang bukan terkenal tetapi menunjukkan aspek keagamaan dan menggambarkan kebudayaan penganut yang beragama Hindu yang mengunjungi Kuil Nagamma yang terpilih dalam kajian ini. Sebab utama para penganut mengunjungi ke kuil tersebut untuk menjalankan perkahwinan, pemujaan dan pelbagai upacara-upacara keagamaan. Pengkaji telah mengkaji dua aspek yang terdapat dalam makna simbol. Makna simbol ini dibahagikan kepada simbol kebendaan dan simbol bukan kebendaan. Benda-benda fizikal yang boleh dilihat dipersekitaran kuil atau tempat ibadat seperti patung dewa-dewi, rumah ular, tiang dan alat-alat yang digunakan semasa pemujaan dikatakan sebagai makna simbol kebendaan. Tambahan pula, perlambangan kuil merujuk kepada kepercayaan, kerohanian, norma dan nilai penganut Hindu yang mengunjungi kuil. Hasil kajian menunjukkan kuil Nagama memainkan peranan yang sangat penting dari segi agama. Walaupun kuil itu bersaiz kecil dan belum diiktiraf oleh kerajaan, penganut Hindu yang tinggal di kawasan itu masih percaya kuil itu mempunyai kuasa luar biasa dan masih menjalankan upacara tertentu. Secara tidak langsung, kuil merupakan gambaran perpaduan masyarakat Hindu. Kajian lepas ini dijadikan sebagai panduan untuk bagaimana mengumpul asal usul tempat ibadat yang terpilih di kajian ini.

Penyelidikan yang dijalankan oleh Parameswari (2020) membincangkan sejarah awal perkembangan kuil Batu Caves. Penyelidikan ini penting untuk memberikan penerangan tentang sejarah penubuhan kuil Murugan iaitu Batu Caves yang . Kuil ini dikategorikan sebagai kuil yang terawal dan tertua di Malaysia. Artikel ini juga menerangkan bagaimana Kuil Batu Caves berkait dengan kuil-kul lain iaitu Kuil Sri

Maha Mariamman dan Kuil Kortumalai Piilaiyar di Kuala Lumpur. Kajian ini hanya tertumpu kepada sejarah awal salah sebuah kuil di negara Malaysia. Terdapat juga banyak kuil yang lain mempunyai keunikan tersendiri untuk dipelajari. Penyelidik boleh meneroka lebih daripada 22 kuil di pelbagai lokasi, mendedahkan sejarah dan perkembangan kuil ini kepada masyarakat dalam dan luar negara. Secara lebih khusus, Kuil Batu Caves juga perlu dikaji untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang sambutan pelbagai perayaan terhadap kuil tersebut.

#### **2.4 Perkaitan antara kajian lepas dan kajian semasa**

Kebanyakan kajian mengenai bahasa kiasan yang mengkaji lagu lirik, drama dan puisi dijalankan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kajian terhadap penggunaan bahasa kiasan dalam bahasa Tamil didapati terhad. Kajian lepas yang mengenai Landskap Linguistik tempat ibadat atau kuil juga kurang didapati. Kebanyakan kajian lepas mengenai Landskap Linguistik tempat ibadat memfokuskan penggunaan bahasa di persekitaran kuil sahaja dan tidak mengkaji aspek-aspek selain daripada bahasa. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji bahasa kiasan dalam bahasa Tamil yang terdapat di kuil yang terpilih di Malaysia dan menganalisis ciri-ciri papan tanda yang memaparkan bahasa kiasan.

#### **2.5 Kesimpulan**

Bab dua telah membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan bahasa kiasan, linguistik lanskap dan tempat ibadat. Bab seterusnya akan membincangkan reka bentuk kajian dan teori yang digunakan untuk membantu analisis data kajian ini.



## **BAB 3: METODOLOGI**

### **3.0 Pengenalan**


Dalam bab ini pengkaji menjelaskan cara pengumpulan data bagi kajian ini. Bab ini merangkumi kaedah kajian, kerangka kajian, prosedur kajian, lokasi kajian, sampel kajian, instrumen kajian, pengumpulan data, analisis data dan kerangka teori.

### **3.1 Kaedah Kajian**

Kaedah kualitatif digunakan untuk mengkaji bahasa kiasan yang terdapat di kuil-kuil terpilih di Malaysia. Kaedah penyelidikan kualitatif dirancang membantu mengungkapkan tingkah laku dan persepsi responden kajian dengan merujuk kepada topik tertentu. Data penyelidikan, iaitu bahasa kiasan yang dikumpulkan di kuil-kuil yang terpilih di Malaysia dikaji dari segi jenis, ciri dan perspektif pengunjung. Penyelidikan ini menggunakan kaedah analisis kandungan untuk menganalisis bahasa kiasan yang terdapat di kuil-kuil yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah. Kaedah analisis kandungan telah digunakan untuk menjawab persoalan kajian pertama iaitu jenis bahasa kiasan yang terdapat di kuil-kuil. Kajian ini juga merupakan satu kajian lapangan, iaitu menjalankan kajian terhadap suatu fenomena atau situasi di mana ia memberikan maklumat yang penting bagi sesuatu kajian. Sebab utama kajian ini dijalankan untuk mengkaji jenis dan ciri berdasarkan teori LL dan ini membuktikan bahawa kajian ini merupakan kajian lapangan.

### 3.2 Kerangka Kajian

Kajian ini dijalankan mengikut panduan kerangka kajian yang digambarkan dalam Rajah 3.1



Rajah 3.1: Kerangka kajian

### 3.3 Prosedur Kajian

Peringkat pertama pengkaji telah mengumpulkan maklumat tentang kuil-kuil yang menyambut sesuatu perayaan secara meriah di Malaysia. Perayaan yang dipilih adalah *Thaipusam*. Kajian ini memilih kuil-kuil Hindu yang terkenal dalam sambutan perayaan *Thaipusam* secara meriah untuk melihat penggunaan bahasa kiasan di kuil tersebut. Tujuan utama memilih kuil yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah kerana *Thaipusam* merupakan salah satu perayaan yang popular dalam masyarakat agama Hindu (Tangamalar, 2014). Selain itu, beribu-ribu penganut agama Hindu dan juga pelancong membanjiri kuil-kuil Hindu yang terpilih dalam kajian ini untuk menyambut perayaan tersebut (Berita Harian, 2020). Perkara ini menyediakan peluang kepada ramai penganut yang mengunjungi ke kuil-kuil tersebut untuk mengetahui dan mempelajari bahasa kiasan berbanding dengan kuil-kuil lain yang tidak menyambut perayaan *Thaipusam*. Dalam peringkat ini pengkaji juga memperoleh maklumat dan data mengenai LL, bahasa kiasan daripada kajian lepas. Sebelum membuat kajian, mula-mula pengkaji mendapat kebenaran daripada pihak Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, pengurus kuil dan responden untuk menjalankan kajian dan mendapatkan data bagi kajian ini. Oleh sebab isu penyebaran Covid-19, pengkaji telah mendapatkan kebenaran daripada Polis Diraja Malaysia bagi mengunjungi ke kuil-kuil yang terpilih.

Peringkat kedua pula, pengkaji telah mengunjungi ke kuil-kuil yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah di Malaysia. Pengkaji juga mendapat kebenaran dari pihak kuil, responden dan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya untuk menjalankan kajian dan mendapatkan data bagi kajian ini. Tempat ibadat ini merupakan tempat awam. Oleh itu, pengkaji tidak menggunakan sebarang borang kebenaran untuk mengunjung kuil-kuil iaitu Kuil Batu Caves Sri Subramaniam Swamy, Kuil Arulmigu

Balathandayuthapani, Kallumalai Arulmigu Subramaniyar, Kuil Sri Subramaniya Swami Devasthanam dan Kuil Sri Bala Thandayuthapani. Pengkaji hanya mendapat kebenaran secara lisan daripada pihak pentadbir kuil. Pengkaji telah mengambil gambar-gambar bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding kuil. Bahasa kiasan tersebut telah dikategorikan berdasarkan kriteria yang diterangkan oleh Kumarasampillai (1926) dalam buku Thandiyalangaram.

Penyediaan soalan temu bual tentang ciri bahasa kiasan yang terdapat di kuil merupakan peringkat ketiga dalam prosedur kajian ini. Temubual digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang kedua berdasarkan teori LL yang dikenalkan oleh Ben-Rafael (2009) dan persoalan kajian yang ketiga iaitu perspektif pengunjung terhadap bahasa kiasan di kuil-kuil Hindu. Temu bual separa struktur digunakan dalam kajian ini. Temu bual dijalankan bersama lapan responden yang terdiri daripada penganut agama Hindu dan pengurus kuil. Pengkaji memastikan responden yang dipilih dalam penyelidikan ini boleh menulis, membaca dan dapat bertutur bahasa Tamil dengan fasih. Pengkaji telah mengikut SOP yang telah disarankan oleh kerajaan Malaysia semasa menemubual dengan responden kajian.

Peringkat keempat pula, pengkaji telah menganalisis data iaitu bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding kuil yang diperolehi secara kualitatif. Bahasa kiasan yang diperolehi dikaji mengikut jenis, ciri dan perspektif pengunjung terhadap bahasa kiasan. Peringkat terakhir adalah penyelidik telah menyimpulkan segala hasil kajian.

### 3.4 Lokasi Kajian

Penyelidikan ini telah dijalankan di lima buah kuil yang menyambut perayaan Thaipusam secara meriah di Malaysia. *Thaipusam* disambut sebagai penghormatan kepada dewa Murugan. Perayaan ini merupakan perayaan yang terbesar bagi penganut Hindu selepas Deepavali dan biasanya disambut pada bulan *Thai* mengikut kalender Hindu iaitu Januari atau Februari. Masyarakat beragama Hindu bermula menyambut perayaan *Thaipusam* pada tahun 1891-an di kuil Batu Caves. Di kebanyakan negeri di Malaysia kerajaan memberikan cuti umum untuk menyambut perayaan *Thaipusam* (Prime Minister's Office of Malaysia, 2012). Kuil-kuil yang disenaraikan dalam Jadual 3.1 merupakan kuil-kuil yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah dan menjadi tumpuan ribuan penganut Hindu (Berita Harian, 2020). Selain itu, siaran langsung perayaan *Thaipusam* di kuil-kuil tersebut juga dapat ditonton dalam saluran tempatan dan di media sosial. Pengkaji telah mengunjungi ke kuil-kuil tersebut pada 25 Mac hingga 15 April 2021 untuk mengumpul data bagi kajian ini. Kuil-kuil yang terpilih adalah sesuai dijadikan sebagai lokasi kajian kerana teks bahasa kiasan yang ditulis pada papan tanda dan dinding di kuil-kuil tersebut menggambarkan ciri-ciri berdasarkan prinsip perstruktur LL iaitu bahasa, warna, imej, budaya dan maklumat atau informasi. Maklumat tentang nama kuil dan lokasi dipaparkan dalam Jadual 3.1.

**Jadual 3.1: Kuil yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah di Malaysia**

| Bil | Nama Kuil                              | Lokasi          |
|-----|----------------------------------------|-----------------|
| 1.  | Batu Caves Sri Subramaniam Swamy       | Selangor        |
| 2.  | Kuil Arulmigu Balathandayuthapani      | Pulau Pinang    |
| 3.  | Kallumalai Arulmigu Subramaniam        | Perak           |
| 4.  | Kuil Sri Subramaniam Swami Devasthanam | Kedah           |
| 5.  | Kuil Sri Bala Thandayuthapani          | Negeri Sembilan |

### 3.5 Latar belakang kuil

Latar belakang dan keunikan tentang kuil-kuil yang terpilih dalam kajian ini telah dibincangkan secara terperinci.



**Rajah 3.2: Batu Caves Sri Subramaniam Swamy**

Batu Caves adalah bukit batu kapur yang mempunyai rangkaian gua dan terletak di daerah Gombak, 13 kilometer dari utara Kuala Lumpur. Batu Caves merupakan nama kampung yang berdekatan (Kasim, 2011). Kuil ini adalah titik tumpuan perayaan Hindu

iaitu *Thaipusam*. Struktur gua yang indah dengan pemandangan stalaktit dan stalakmit di dalamnya. Terdapat banyak patung-patung yang membentuk ceritera yang tersendiri tentang kepercayaan Hindu memenuhi dinding-dinding dalam gua ni. Kuil Batu Caves nama sebenarnya Kuil Sri Subramaniam Swami merupakan kuil yang tertua dan terawal di Malaysia. Kuil ini sangat popular dan mempunyai keunikan tersendiri berbanding dengan kuil-kuil yang memujakan dewa Murugan yang lain di Malaysia dan juga di luar negara. Patung dewa Murugan di kaki Batu Caves adalah patung dewa Hindu yang tertinggi di Malaysai dan kedua tertinggi di dunia iaitu 42.7 meter (140 kaki) (Parameswari, 2020). Seramai 400,000 penganut akan membanjiri di kuil Batu Caves untuk menyambut perayaan *Thaipusam* (Berita Harian, 2020).



**Rajah 3.3:Kuil Arulmigu Balathandayuthapani**

Kuil Arulmigu Balathandayuthapani dikenali sebagai Kuil Waterfall Pulau Pinang dan secara rasmi dikenali sebagai Thanneermalai Shree Balathandayuthapani Devasthanam merupakan salah satu kuil Hindu tertua di Pulau Pinang. Kuil ini pada asalnya terletak di perkarangan Taman Botani, Pulau Pinang. Reka bentuk dan pembinaan kuil dibina berdasarkan *Chola* dan *Pallava* yang terkenal di India Selatan.



Seramai 700,000 pengunjung akan menghadiri semasa perayaan *Thaipusam* di Kuil Arulmigu Balathandayuthapani (Berita Harian, 2020).



**Rajah 3.4 :Kallumalai Arulmigu Subramaniyar**

Kuil Kallumalai Arulmigu Subramaniyar yang terletak di negeri Perak telah dibina pada tahun 1930. Kuil ini adalah tempat bagi penganut Hindu untuk menyembah dewa Murugan. Dalam kuil ini terdapat 528 patung yang dibina pada tahun 2010. Kuil ini juga mempunyai dewan perkahwinan dan dewan makan. Kuil ini juga terkenal dan ada keunikan tersendiri iaitu kuil ini mempunyai kandang burung merak terbesar. Dalam agama Hindu, burung merak digambarkan sebagai pembawa dewa Murugan. Perayaan seperti Deepavali dan *Thaipusam* disambut di kuil ini (Hinduism Today, 2006). Seramai 500,000 penganut dengan pengunjung akan menghadiri ke kuil ini untuk menyambut perayaan *Thaipusam* (Berita Harian, 2020).





**Rajah 3.5 :Kuil Sri Subramaniya Swami Devasthanam**

Sri Subramaniya Swami Devasthanam terletak di Sungai Petani, Kedah. Pembinaan kuil ini bermula pada tahun 1914. Kuil ini menjadi tumpuan penganut agama Hindu ketiga terbesar dalam menyambut perayaan *Thaipusam* di Malaysia. Seramai 300,000 penganut agama Hindu akan mengunjungi ke kuil tersebut bagi menyambut perayaan *Thaipusam* (Berita Harian, 2020).



**Rajah 3.6 Kuil Sri Bala Thandayuthapani**

Komuniti 'Chettiar' merupakan golongan utama yang membina kuil Sri Bala Thandayuthapani. Pada tahun 1899 kuil ini didirikan oleh Nacchappan Chettiar. Kuil ini mempunyai '*Thanga Ratham*' iaitu kereta emas yang terbesar di Malaysia. Kira-kira 2,000 penganut yang beragama Hindu mengunjungi ke kuil ini setiap tahun untuk menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah (Berita Harian, 2020).

### 3.6 Sampel Kajian

Pengkaji telah menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) untuk mengumpul gambar-gambar bahasa kiasan di kuil untuk menjawab persoalan kajian yang pertama. Pengkaji juga menggunakan persampelan ini bagi memilih responden kajian iaitu pengurus kuil dan penganut agama Hindu yang mengunjungi ke kuil untuk menjawab persoalan kajian yang kedua dan ketiga. Dalam kajian ini, sebanyak lapan responden telah dipilih untuk menjalankan temu bual. Bahasa kiasan yang terdapat di kuil-kuil ditulis dalam bahasa Tamil, maka pengkaji telah memastikan responden yang dipilih dalam penyelidikan ini mempunyai penguasaan bahasa Tamil. Penguasaan bahasa Tamil di sini bermaksud responden boleh menulis, membaca dan dapat bertutur bahasa Tamil dengan fasih. Maklumat seperti umur, jantina, negara asal dan pendidikan telah disertakan dalam lampiran kajian. Gambar bahasa kiasan telah dilabelkan sebelum dianalisis. Label yang digunakan adalah seperti dalam Jadual 3.2.

**Jadual 3.2: Makna label sampel kajian**

| Label | Makna                 |
|-------|-----------------------|
| T     | <i>Thirukkural</i>    |
| GS    | <i>Geetha saram</i>   |
| LP    | Lagu pujaan dewa-dewi |
| KKH   | Kata-kata hikmat      |
| A     | <i>Aathichoodi</i>    |
| M     | <i>Muthurai</i>       |

Karya *Thirukkural* adalah sesuatu ciptaan yang mengandungi prinsip etika dan moral yang dituliskan oleh Thiruvalluvar. Kata awalan dalam Tiru dalam *thirukkural* bermakan kekayaan, kesucian dan keutamaan (Anurani, 2019). Karya *Thirukkural* terdiri daripada 1330 *kural*. *Geetha saram* adalah salah satu teks yang mengandungi pelbagai makna yang diberitahu oleh dewa Krishna kepada dewa Arjuna semasa perang Kurushetra. Teks ini didapati dalam buku Bhagavad Gita. Lagu pujaan dewa-dewi ialah lagu yang dinyanyikan semasa pemujaan di kuil Hindu. Masyarakat beragama Hindu mempunyai kepercayaan iaitu individu yang menyanyikan lagu pujaan akan mendapat kebaikan dan juga dapat mengembirakan Tuhan (Kanaka & Mohan, 2020). Kata-Kata hikmat pula digunakan sebagai kiasan dalam pertuturan dan penulisan. Kata-kata hikmat merupakan sebahagian daripada peribahasa dan biasanya mempunyai maksud yang tersirat atau mendalam (Mokhtar, 2020). *Aathichoodi* adalah ungkapan satu baris dan disusun mengikut urutan abjad. *Aathichoodi* ini ditulis oleh Avvaiyar. Terdapat 109 ungkapan yang merangkumi makna yang mendalam dan dinyatakan dengan perkataan yang mudah difahami (Mani, Murugan & Rajendran, 2010). *Muthurai* merupakan teks tertua menekankan konsep yang unik dan juga mempunyai nama lain iaitu *Vacundam*

(Manokaran, 2019). Muthurai adalah salah satu teks undang-undang Tamil yang ditulis oleh Avvaiyar.

### **3.7 Instrumen Kajian**

Kajian ini memilih papan tanda dan temu bual untuk mendapatkan data bagi kajian ini. Data yang didapati membantu untuk menjawab ketiga-tiga persoalan kajian.

#### **3.7.1 Papan tanda**

Kajian ini mengumpul gambar papan tanda yang terdapat di kuil-kuil Hindu yang terpilih untuk menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu mengenai jenis bahasa kiasan dan juga persoalan kajian yang kedua iaitu mengenai ciri bahasa kiasan. Sebanyak 44 papan tanda telah dikumpul semasa menjalankan kajian di kuil-kuil Hindu yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah. Papan tanda yang terkumpul membantu menggambarkan jenis dan ciri bahasa kiasan secara jelas.

#### **3.7.2 Temu bual**

Kajian ini memilih kaedah temu bual separa struktur untuk mengumpul data bagi menjawab persoalan kajian yang kedua, iaitu ciri bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding di kuil-kuil Hindu di Malaysia berdasarkan Prinsip Penstrukturan Landskap Linguistik dan persoalan kajian yang ketiga iaitu perspektif pengunjung terhadap bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding di kuil-kuil Hindu di Malaysia. Sesi temu bual ini jalankan pada 25 Mac hingga 15 April 2021. Temu bual dijalankan bersama lapan responden daripada empat buah kuil dan responden pula terdiri daripada penganut agama Hindu dan pengurus kuil. Sebab utama memilih pengurus kuil adalah mereka mengetahui segala latar belakang kuil dan maklumat tentang penggunaan bahasa kiasan yang terdapat di kuil secara teliti. Pengguna bahasa kiasan di kuil mesti difahami dan dibaca oleh penganut Hindu. Bagi mengetahui kefahaman tentang bahasa kiasan dan ciri bahasa kiasan penganut Hindu

dipilih sebagai responden. Disebabkan oleh keadaan semasa iaitu penyebaran Covid-19, pengkaji menghadapi kesukaran untuk mendapat responden dan pengkaji telah mematuhi SOP yang disarankan oleh kerajaan Malaysia semasa menjalankan sesi temubual. Seterusnya, 15 minit telah ditetapkan bagi sesi temu bual dengan responden kajian. Pengkaji meminta kebenaran daripada pengurus kuil, responden dan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya semasa menjalankan kajian ini. Set soalan temu bual mengandungi tentang warna, bahasa, imej, maklumat atau informasi dan aspek budaya yang terdapat pada papan tanda dan dinding kuil yang mempaparkan bahasa kiasan. Soalan temubual yang mengandungi tujuh soalan disertakan dalam lampiran kajian.

### **3.8 Pengumpulan Data**

Penyelidik memulakan pengumpulan maklumat seperti latar belakang, lokasi tentang kuil-kuil yang dipilih untuk menjalankan kajian. Seterusnya, pengunjugi ke kuil-kuil yang terpilih dalam kajian untuk mengumpulkan gambar bahasa kiasan di kuil. Oleh disebabkan isu penyebaran Covid-19, pengkaji mendapatkan kebenaran sebelum mengunjugi ke kuil. Langkah seterusnya adalah menangkap gambar-gambar bahasa kiasan yang terdapat pada papan tanda dan dinding kuil. Gambar bahasa kiasan telah dianalisis bagi menjawab persoalan kajian ini.

### **3.9 Analisis Data**

Pengkaji telah menganalisis data secara sistematik. Peringkat pertama menangkap gambar-gambar bahasa kiasan yang terdapat pada papan tanda dan dinding kuil-kuil terpilih. Data tersebut, kemudian dikategorikan berdasarkan jenis yang dicadangkan oleh Kumarasampillai (1926) dalam buku Thandiyalangaram. Peringkat ketiga pula, bahasa kiasan tersebut telah dianalisis mengikut Prinsip Penstrukturan LL

yang direka oleh Ben-Rafael (2009). Data kajian iaitu bahasa kiasan yang terdapat di kuil telah dilabelkan dengan nombor yang bersesuaian bagi mengelakkan keliruan terhadap data kajian.

### **3.10 Kajian Rintis**

Kajian rintis dijalankan di dua buah kuil yang terletak di negeri Perak iaitu Sri Mahamariamman dan di negeri Pulau Pinang iaitu Jalan Baru Sri Muniswarar. Di Kuil Sri Mahamariamman didapati jenis bahasa kiasan lagu pujian dewa-dewi yang kerap digunakan di persekitaran kuil tersebut manakala di kuil Jalan Baru Sri Muniswarar didapati jenis bahasa kiasan *Thirukkural*, Kata-kata Hikmat dan lagu pujian dewa-dewi. Kajian rintis ini dijalankan pada 12 Disember hingga 15 Disember 2020. Bahasa kiasan yang terdapat di dua buah kuil ini terpapar dalam bahasa Tamil dan bahasa Inggeris.

### **3.11 Etika kajian**

Etika kajian merupakan salah satu elemen yang penting bagi sesuatu kajian. Di sepanjang kajian ini, maklumat peribadi seperti nama, umur, tempat tinggal responden dirahsiakan bagi tujuan keselamatan responden terjamin. Semasa menemubual responden pengkaji telah memberitahu identiti pengkaji kepada responden secara ikhlas dan jujur sebelum meminta kebenaran responden. Pengkaji telah memaklumkan sebab menemubual, latar belakang kajian dan sebab kajian ini dijalankan kepada responden sebelum memulakan sesi temubual. Pengkaji telah menerangkan dan menjelaskan maklumat yang benar yang diperolehi daripada responden dalam dapatan kajian.

### 3.12 Kerangka Teori

#### a) Pengkelasan Jenis Bahasa Kiasan

Kumarasampillai (1926) menerangkan jenis bahasa kiasan dalam buku yang bertajuk *Thandiyalangaram* yang ditulisnya. *Thandiyalangaram* ialah teks yang dirujuk untuk '*Ani Ilakkiyam*' yang merupakan sebahagian daripada lima kategori tatabahasa Tamil bernama '*Ainthilakkiyam*'. Thandi merupakan penulis pertama yang menulis *Thandiyalangaram* pada tahun (946-1070). Oleh disebabkan *Thandiyalangaram* didapati dalam bahasa yang lain, maka ia ditulis dan diterjemah oleh penulis-penulis yang lain untuk menyampaikan maklumat yang berguna kepada masyarakat India. Dalam buku tersebut terdapat beberapa jenis bahasa kiasan dengan contoh dan penerangan yang bersesuaian. Jenis bahasa kiasan seperti *Thirukkural*, *Aathichoodi*, *Muthurai* dan lagu pujaan dewa-dewi diterangkan dalam buku tersebut. Tambahan pula, jenis bahasa kiasan kata-kata hikmat dan *Geetha saram* pula ditemui semasa menjalankan kajian di kuil-kuil Hindu. Menurut pengkaji Kumaran (2017), Amir dan Rahman (2021), Kedua-dua jenis ini telah dibuktikan sebagai bahasa kiasan. Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah merancang untuk mengajar jenis-jenis bahasa kiasan tersebut dalam kurikulum bahasa Tamil. Pembelajaran jenis-jenis bahasa kiasan dalam buku Natramizh Ilakkanam ini bermula diajar dari sekolah rendah hingga sekolah menengah (Tahun 1 hingga Tingkatan 5)(Unit Bahasa Tamil Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2008).


**Jadual 3.3: Bahasa kiasan yang terdapat di buku Thandiyalangaram**

*Thirukkural* merupakan salah satu karya sastra yang mengandung unsur etika, nilai-nilai moral dan prinsip hidup manusia. Zaman Sanggam dan Zaman Pasca-Sanggam merupakan dua jangka masa yang sangat penting dalam perkembangan bahasa dan sastra Tamil (Anurani, 2019). *Thirukkural* ini muncul pada zaman Pasca-Sanggam. Thiruvalluvar merupakan pengarang tek *thirukkural* dalam bahasa Tamil. Teks ini menyampaikan dan mengandung kandungan yang ringkas dan sesuai untuk semua jangka masa. *Thirukkural* ini diterjemahkan dalam 78 bahasa asing dan menjadi


panduan hidup kepada pelbagai masyarakat di dunia (Graul, 2015). Jenis bahasa kiasan *Thirukkural* didapati di dua buah kuil Hindu. Sebanyak sepuluh *thirukkural* terdapat di kuil Batu Caves manakala di Kuil Arulmigu Balathandayuthapani yang terletak di Penang memaparkan satu *thirukkural* di persekitaran kuil. Pengkaji dapat mengambil beberapa gambar papan tanda yang memaparkan bahasa kiasan di kuil Batu Caves disebabkan oleh isu Covid-19. Penggunaan jenis kiasan ini di dua buah kuil Hindu mencatat 25 peratus. Menurut Anurani (2019) *Thirukkural* dikategorikan mengikut tiga kumpulan iaitu Etika (*Aram*), Kekayaan (*Porul*) dan Nikmat cinta (*Inbam*). Jadual 4.3 menunjukkan kumpulan *thirukkural* yang terdapat di dua kuil Hindu yang dikaji.

**Jadual 4.3 : Kumpulan *thirukkural* yang terdapat di kuil**

| Kumpulan <i>Thirukkural</i>                                                                                                                      |                                                                                                                                                                     |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Etika ( <i>Aram</i> )                                                                                                                            | Makna                                                                                                                                                               |
| துறந்தார்க்கும் துவ்வா தவர்க்கும் இறந்தார்க்கும்<br>இல்வாழ்வான் என்பான் துணை<br>Turantārkkum tuvvā tavarkkum irantārkkum<br>ilvālvān enpān tuṇai | Ketua rumah mesti menyokong dan membantu untuk memenuhi keperluan orang miskin dan pihak yang belum berkahwin.                                                      |
| உரனென்னும் தோட்டியான் ஓரைந்தும் காப்பான்<br>வரனென்னும் வைப்பிற்கோர் வித்து<br>Uraṇennum tōṭṭiyān ōraintum kāppān<br>varaṇennum vaippirkōr vittu  | Seseorang mesti menguasai kelima-lima deria.                                                                                                                        |
| மலர்மிசை ஏகினான் மாணடி சேர்ந்தார்<br>நிலமிசை நீடுவாழ் வார்<br>Malarmicai ēkiṇān māṇaḍi cērtār<br>nilamicai nīṭuvāḷ vār                           | Seseorang sentiasa mengingati langkah Tuhan yang sangat baik, yang berjalan di atas bunga, akan hidup lama di bumi ini.                                             |
| குழலினிது யாழினிது என்பதம் மக்கள்<br>மழலைச்சொல் கேளா தவர்<br>Kuḷaliniṭu yāḷiniṭu enpatam makkaḷ<br>maḷalaiccol kēḷā tavar                        | Seseorang individu yang tidak mendengar suara anak sendiri akan menyatakan alat muzik yang mengeluarkan bunyi yang menarik.                                         |
| துறந்தார் பெருமை துணைக்கூறின் வையத்து<br>இறந்தாரை எண்ணிக்கொண் டற்று<br>Turantār perumai tuṇaikkūrin vaiyattu<br>irantārai eṇṇikkōṇ ṭarru         | Bolehkah anda katakan berapa ramai orang yang telah meninggal dunia di dunia? Begitu juga, kebanggaan mereka yang benar-benar melepaskan ikatan tidak dapat diukur. |

|                                                                                                                                           |                                                                                                                                                                                                       |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| மகன் தந்தைக்கு ஆற்றும் உதவி இவன்தந்தை<br>என்னோற்றான் கொள்ளும் சொல்<br>Makan̄ tantaikku ārrumutavi ivantantai<br>ennōrrān kolenum col      | Ia adalah istilah yang digunakan oleh orang lain untuk memuji apa yang telah dilakukan oleh bapanya untuk menjadikan dia sebagai anaknya.                                                             |
| Kumpulan <i>Thirukkural</i>                                                                                                               |                                                                                                                                                                                                       |
| Kekayaan ( <i>Porul</i> )                                                                                                                 | Makna                                                                                                                                                                                                 |
| நகைசுகை இன்சொல் இகழாமை நான்கும்<br>வகைஎன்ப வாய்மைக் குடிக்கு<br>Nakai'ikai iṇcol ikaḷāmai nāṇkum vakai'enpa<br>vāymaik kuṭikku            | Bagi seseorang yang dilahirkan dalam golongan yang benar-benar mulia mempunyai empat sifat yang baik iaitu kesopanan, membantu, berkata kata-kata yang baik, dan tidak merendah-rendahkan orang lain. |
| ஒருமைக்கண் தான்கற்ற கல்வி ஒருவற்கு<br>எழுமையும் ஏமாப்பு உடைத்து<br>Orumaikkaṇ tāṇkarra kalvi oruvaṛku<br>eḷumaiyum ēmaṭpu uṭaittu         | Pendidikan yang dipelajari dalam satu kelahiran bukan sahaja berguna untuk kelahiran seseorang tetapi juga untuk kelahiran seterusnya.                                                                |
| நட்பிற் குறுப்புக் கெழுதகைமை மற்றதற்கு<br>உப்பாதல் சான்றோர் கடன்<br>Naṭpiṛ kuruppuḱ keḷuṭakaimai marraṭaṛku<br>uppātal cāṇṛōr kaṭaṇ       | Unsur persahabatan ialah perbuatan rakan yang betul; Adalah menjadi kewajipan saksi untuk tidak bersetuju dengan akta tersebut.                                                                       |
| அறிவிலார் தாந்தம்மைப் பீழிக்கும் பீழை<br>செறுவார்க்கும் செய்தல் அரிது.<br>Arivilār tāntam'maip pīḷikkum pīlai<br>ceṟuvārkkum ceytal aritu | Penderitaan yang ditimpakan oleh orang bodoh kepada diri mereka sendiri hampir tidak mungkin berlaku walaupun kepada musuh.                                                                           |
| மனைவிழைவார் மாண்பயன் எய்தார்<br>வினைவிழைவார் வேண்டாப் பொருளும் அது<br>Maṇaiviḷaivār māṇpayan̄ eytār viṇaiviḷaivār<br>vēṇṭāp poruḷum atu   | Seseorang yang mengasihi isterinya dan melakukan apa yang dikatakannya tidak akan mencapai yang terbaik; Itulah perkara yang tidak diinginkan oleh orang yang suka melakukan kewajipan.               |





**Rajah 4.1 : Kumpulan *Thirukkural***

Hanya dua kategori *thirukkural* iaitu etika dan kekayaan kerap digunakan di kuil-kuil tersebut. Di kuil Batu Caves terdapat dua kategori iaitu kekayaan sebanyak lima dan etika pula sebanyak lima. Di Kuil Arulmigu Balathandayuthapani yang terletak di Penang menggunakan kategori etika sebanyak sekali sahaja. Kumpulan *thirukkural* etika didapati mencatat 45 peratus manakala kekayaan mencatat 55 peratus.

#### 4.1.3 Kata-Kata Hikmat

Kata-kata hikmat atau lidah pendeta bermakna kumpulan perkataan yang mengandungi pengajaran, teladan, kesedaran, peringatan dan dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan harian. Biasanya, kata-kata hikmat digunakan sebagai kiasan dalam pertuturan dan penulisan. Kata-kata hikmat merupakan sebahagian daripada peribahasa dan biasanya mempunyai maksud yang tersirat. Selain itu, kata-kata hikmat dipetik daripada kitab-kitab suci dan pendapat tokoh (Mokhtar, 2020). Kata-kata hikmat ini hanya digunakan di Kuil Arulmigu Balathandayuthapani yang terletak di Penang. Sebanyak tujuh kata hikmat yang mencatat 15.9 peratus digunakan pada papan tanda di kuil tersebut. Kata-kata hikmat yang terdapat di Kuil Arulmigu Balathandayuthapani yang terletak di Penang memberikan motivasi dan keyakinan kepada penganut agama

Hindu dan pelancong semasa mendaki 513 anak tangga di kuil Penang (Tangamalar, 2014). Berikutnya adalah contoh kata-kata hikmat yang terdapat di kuil tersebut:

- i. அர்த்தமுள்ள ஒவ்வொரு பயணமும் முதல் படியுடன்தான் தொடங்குகிறது  
Arttamulla ovvoru payanamum mutal paṭiyuṭantān totaṅkukiratu  
Makna: Setiap perjalanan yang bermakna bermula dengan langkah pertama
- ii. மகத்துவம் என்பது ஒருவரது பலத்தில் அல்ல, அதை அடைவதில் நாம் பயன்படுத்தும்  
ஞானத்தில் உள்ளது  
Makattuvam enṇpatu oruvaratu palattil alla, atai aṭaivatil nām payanpaṭuttum  
ñāṇattil ullatu.  
Makna: Kehebatan bukan terletak pada kekuatan seseorang, tetapi pada kebijaksanaan yang kita gunakan untuk mencapainya.
- iii. ஒவ்வொரு பயணத்தின்போதும் நம்பிக்கை மிகப் பெரிய துணையாகும்  
Ovvoru payaṇattinṇpōtum nampikkai mikap periya tuṇaiyākum  
Makna: Iman adalah teman yang hebat dalam setiap perjalanan.
- iv. ஒவ்வொரு படியிலும், ஒரு புதிய அனுபவம் ஆரம்பமாகிறது.  
Ovvoru paṭiyilum, oru putiya aṇupavam ārampamākiratu.  
Makna: Dengan setiap langkah, pengalaman baru bermula.
- v. அன்பின் உணர்வானது ஒவ்வொரு படியின் பயணத்திலும் நம்மை ஊக்கப்படுத்துகிறது.  
Aṇṇiṇ uṇarvāṇatu ovvoru paṭiyiṇ payaṇattilum nam'mai ūkkappaṭuttukiratu.  
Makna: Semangat cinta memberi inspirasi kepada kita setiap langkah.
- vi. சில வேளைகளில் எங்கே போகிறோம் அல்லது அங்கு எப்படி போகிறோம் என்பது  
முக்கியமில்ல, ஆனால் போகவேண்டும் என தீர்மானிப்பதே முக்கியமாகின்றது.  
Cila vēḷaikaḷil eṅkē pōkiṛōm allatu aṅku eppaṭi pōkiṛōm enṇpatu mukkiyamilla,  
āṇāl pōkavēṇṭum eṇa tīrmāṇippatē mukkiyamākiṇṇratu.  
Makna: Kadang-kadang tidak kira ke mana kita pergi atau bagaimana kita sampai ke sana, tetapi yang penting adalah membuat keputusan untuk pergi.
- vii. நீங்கள் எவ்வளவு தூரம் கடந்து வந்திருக்கிறீர்கள் என திரும்பிப் பாருங்கள், அந்த  
ஒவ்வொரு அடியும் எவ்வளவு பொருள் பொதிந்தது என்பதை அறியுங்கள்.  
Nīṅkaḷ evvaḷavu tūram kaṭantu vantirukkiṛīrkaḷ eṇa tirumpip pārūṅkaḷ, anta  
ovvoru aṭiyum evvaḷavu poruḷ potintatu enṇpatai aṇiyuṅkaḷ.

Makna: Lihat kembali sejauh mana anda telah melangkah dan sadar betapa bermakna setiap langkah itu.

#### 4.1.4 *Geetha Saram*

*Geetha saram* adalah salah satu teks yang mengandung pelbagai makna yang dinasihatkan oleh dewa Krishna kepada dewa Arjuna semasa perang Kurushetra. Teks ini didapati dalam kitab suci Bhagavad Gita. Perkataan Gita bermaksud lagu atau perkataan manakala Bhagavad bermaksud Tuhan. Bhagavad Gita adalah kitab suci yang terpenting dan utama dalam agama Hindu (Muralikrishna, 2019). Kitab suci ini mengajar aspek-aspek yang penting kepada seseorang manusia seperti bagaimanakah seseorang manusia harus hidup, menangani hubungan keluarga dan meningkatkan kebijaksanaan. Bhagavad Gita menunjukkan jalan yang baik untuk memperolehi keberkatan Tuhan. Tiga buah kuil Hindu menggunakan jenis bahasa kiasan *Geetha saram* pada papan tanda. Kuil Batu Caves, Kuil Arulmigu Balathandayuthapani yang terletak di Penang dan Kuil Sri Bala Thandayuthapani di Seremban menggunakan *Geetha saram*. Jenis bahasa kiasan *Geetha Saram* yang terdapat di tiga buah kuil ini mencatat 6.8 peratus. Contoh teks *Geetha saram* dapat dilihat seperti berikut :

எது நடந்ததோ, அது நன்றாகவே நடந்தது  
எது நடக்கிறதோ, அது நன்றாகவே நடக்கிறது  
எது நடக்க இருக்கிறதோ, அதுவும் நன்றாகவே நடக்கும்  
உன்னுடையதை எதை நீ இழந்தாய்?  
எதற்காக நீ அழுகிறாய்?  
எதை நீ கொண்டு வந்தாய் அதை நீ இழப்பதற்கு?  
எதை நீ படைதிருந்தாய், அது வீணாவதற்கு ?  
எதை நீ எடுத்து கொண்டாயோ,  
அது இங்கிருந்தே எடுக்கப்பட்டது.  
எதை கொடுத்தாயோ,

அது இங்கேயே கொடுக்கப்பட்டது.

எது இன்று உன்னுடையதோ

அது நாளை மற்றொருவருடையதாகிறது

மற்றொரு நாள், அது வேறொருவருடையதாகும்

Etu naṭantatō, atu naṇṇākavē naṭantatu

etu naṭakkirātō, atu naṇṇākavē naṭakkiratu

etu naṭakka irukkirātō, atuvum naṇṇākavē naṭakkum

unṇuṭaiyatai etai nī ilantāy?

Etaṇkāka nī alukirāy?

Etai nī koṇṭu vantāy atai nī ilappataṇku?

Etai nī paṭaitiruntāy, atu vīṇāvataṇku?

Etai nī eṭuttu koṇṭāyō,

atu inṅkiruntē eṭukkappaṭṭatu.

Etai koṭuttāyō,

atu inṅkēyē koṭukkappaṭṭatu.

Etu inṇu unṇuṭaiyatō

atu nālai marṇoruvaruṭaiyatākiratu

marṇoru nāl, atu vēṇoruvaruṭaiyatākum

Makna: Seseorang yang menyerap intisari Bhagavad-gita, pikirannya tidak akan digerakkan oleh apa-apa, tidak akan terganggu.

#### 4.1.5 Aathichoodi

*Aathichoodi* adalah ungkapan satu baris dan disusun mengikut urutan abjad.

*Aathichoodi* ini ditulis oleh Avvaiyar. Terdapat 109 ungkapan yang merangkumi makna yang mendalam dan dinyatakan dengan perkataan yang mudah difahami. Ini bertujuan untuk menanamkan disiplin dan mengarahkan untuk berlaku perbuatan baik dalam kehidupan manusia (Mani, Murugan & Rajendran, 2010). Jenis bahasa kiasan

*Aathichoodi* hanya terdapat di Kuil Arulmigu Balathandayuthapani yang terletak di Penang yang mencatat 2.3 peratus. Contoh *Aathichoodi* yang terdapat di kuil tersebut ialah அறம் செய்ய விரும்பு (*Aram ceyya virumpu*). Maknanya adalah seseorang mesti mempunyai keinginan untuk melakukan kebaikan.

#### 4.1.6 Muthurai

*Muthurai* adalah salah satu teks nilai murni Tamil yang ditulis oleh Avvaiyar. *Muthurai* merupakan teks yang tertua yang menekankan konsep yang unik dan juga dikenali sebagai iaitu *Vacundam*. Pendidikan adalah salah satu aspek asas dan penting dalam kehidupan manusia. Oleh itu, teks *Muthurai* menekankan dan mengutamakan pendidikan. Contoh teks *Muthurai* yang terdapat di kuil dapat dilihat berikut:

நல்லாரைக் காண்பதுவும் நன்றே;

நலம் மிக்க நல்லார் சொல் கேட்பதுவும் நன்றே-

நல்லார் குணங்கள் உரைப்பதுவும் நன்றே

அவரோடு இணங்கி இருப்பதுவும் நன்று

Nallāraik kāṇpatuvum naṇṇē;

naḷam mikka nallār col kētpatuvum naṇṇē-

nallār kuṇaṅkaḷ uraiṇpatuvum naṇṇē

avarōṭu iṇaṅki iruppatuvum naṇṇu

Makna : Melihat orang baik bermanfaat untuk kita,  
mendengar perkataan dan memberitahu kualiti mereka  
kepada orang lain juga memanfaatkan kita.

## 4.2 Ciri Bahasa Kiasan

Dalam kajian Landskap Linguistik (LL), teks bahasa kiasan yang ditulis pada papan tanda dan dinding kuil Hindu telah dianalisis dari segi aspek bahasa, saiz, warna, imej, budaya dan maklumat. Perkara ini kerana setiap ciri LL membantu untuk memahami kandungan dalam bahasa kiasan tersebut. Ciri landskap linguistik di kuil-kuil Hindu yang dipilih dalam kajian ini telah dianalisis berdasarkan Prinsip Penstrukturan (Principles Of Structuration) yang dipopularkan oleh Ben-Rafael (2009).

### 4.2.1 Persembahan diri (Presentation Of Self)

Persembahan diri merupakan bagaimana bahasa mempengaruhi dan menarik masyarakat di sesuatu kawasan. Bahasa yang digunakan di sesuatu tempat mesti mewujudkan daya tarikan untuk membaca informasi yang terpapar pada papan tanda atau dinding. Prinsip ini dikaji mengikut bahasa, warna dan gambar atau simbol yang diutarakan oleh Simon (2015) pada papan tanda dan dinding di kuil Hindu.

#### a) Bahasa

Bahasa adalah kemampuan yang dimiliki oleh setiap manusia untuk berkomunikasi dengan manusia lain. Tanpa bahasa, maklumat tidak akan disampaikan dengan mudah. Dengan adanya bahasa, manusia dapat berkomunikasi, mencari maklumat dan memberikan maklumat yang berguna kepada orang lain (Simanjuntak dan Rahayu, 2016). Kombinasi bahasa yang digunakan pada papan tanda dan dinding kuil-kuil Hindu ialah monolingual (satu bahasa), bilingual (dua bahasa) dan trilingual (tiga bahasa). Jadual 4.4 menunjukkan bahasa-bahasa yang digunakan untuk menulis bahasa kiasan pada papan tanda dan dinding kuil Hindu.

**Jadual 4.4: Bahasa yang terdapat di kuil**

| Kuil-kuil menyambut perayaan <i>Thaipusam</i>  | Bahasa      |           |           |           |               |           |
|------------------------------------------------|-------------|-----------|-----------|-----------|---------------|-----------|
|                                                | Monolingual |           | Bilingual |           | Trilingual    |           |
|                                                | Bilangan    | Peratus % | Bilangan  | Peratus % | Bilangan      | Peratus % |
| Batu Caves Sri Subramaniam Swamy, Selangor     | -           | -         | 1 (BT+BI) | 2.3       | 10 (BT+BI+BC) | 22.7      |
| Kuil Arulmigu Balathandayuthapani, Penang      | 4 (BT)      | 9.09      | 8 (BT+BI) | 18.2      | -             | -         |
| Kuil Sri Subramaniya Swami Devasthanam, Kedah  | 18 (BT)     | 40.9      | -         | -         | -             | -         |
| Kuil Sri Bala Thandayuthapani, Negeri Sembilan | 3 (BT)      | 6.8       | -         | -         | -             | -         |
| <b>Jumlah</b>                                  | 25          | 56.8      | 9         | 20.5      | 10            | 22.7      |

BI-Bahasa Inggeris    BT-Bahasa Tamil

BM-Bahasa Melayu    BC-Bahasa Cina


Bahasa kiasan yang terdapat di kuil Hindu yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah ditulis dalam bahasa Tamil, Inggeris dan Cina. Daripada 44 bahasa kiasan yang terdapat telah diklasifikasikan berdasarkan bilangan bahasa iaitu monolingual, bilingual dan trilingual. Monolingual iaitu penggunaan satu bahasa diberikan keutamaan semasa menulis bahasa kiasan pada papan tanda dan dinding kuil Hindu. Monolingual mencatat jumlah yang tertinggi berbanding dengan bilingual dan trilingual. Sebanyak 25 papan tanda dan dinding kuil yang mencatat 56.8 peratus memaparkan bahasa kiasan dalam bahasa Tamil sahaja. Di tiga buah kuil Hindu iaitu Kuil Arulmigu Balathandayuthapani yang terletak di Penang sebanyak empat, Kuil Sri Subramaniya Swami Devasthanam yang terletak di Kedah pula sebanyak 18 dan Kuil Sri Bala Thandayuthapani yang terletak di Negeri Sembilan sebanyak tiga papan tanda dan dinding kuil hanya menggunakan bahasa Tamil untuk menulis bahasa kiasan. Antara tiga kuil yang menggunakan bahasa monolingual, Kuil Sri Subramaniya Swami

Devasthanam yang terletak di Kedah mencatat jumlah yang tertinggi. Responden 7 menyatakan bahawa kebanyakan penganut agama Hindu yang mengunjungi ke Kuil Sri Subramaniya Swami Devasthanam di Kedah boleh bertutur dan membaca dalam bahasa Tamil. Perkara ini mewujudkan daya tarikan kepada penganut agama Hindu untuk melihat dan membaca bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding kuil. Oleh itu, kuil tersebut hanya menggunakan bahasa Tamil dan tidak mengutamakan bahasa yang lain. Bahasa bilingual pula iaitu penggunaan dua jenis bahasa. Sebanyak sembilan yang mencatat 20.5 peratus papan tanda dan dinding kuil Hindu menggunakan dua jenis bahasa. Di kuil Batu Caves Sri Subramaniam Swamy yang terletak di Selangor sebanyak satu papan tanda dan di Kuil Arulmigu Balathandayuthapani yang terletak di Penang pula sebanyak lapan papan tanda yang menggunakan dua bahasa iaitu bahasa Tamil dan bahasa Inggeris. Sebanyak sepuluh papan tanda yang terdapat di Batu Caves Sri Subramaniam Swamy yang terletak di Selangor menggunakan trilingual iaitu penggunaan tiga bahasa yang mencatat sebanyak 22.7 peratus. Papan tanda yang terdapat di kuil tersebut menggunakan bahasa Cina, Tamil dan Inggeris. Jadual 4.5 menunjukkan penggunaan bahasa pada papan tanda dan dinding kuil.



**Jadual 4.5 : Penggunaan bahasa pada papan tanda dan dinding kuil**

|                                            | Bahasa      |           |            |
|--------------------------------------------|-------------|-----------|------------|
|                                            | Monolingual | Bilingual | Trilingual |
| Kuil-kuil menyambut perayaan Thaipusam     |             |           |            |
| Batu Caves Sri Subramaniam Swamy, Selangor |             |           |            |
| Kuil Arulmigu Balathandayutha pani, Penang |             |           |            |

|                                                           |                                                                                    |  |  |
|-----------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------|--|--|
| Kuil Sri<br>Subramaniya<br>Swami<br>Devasthanam,<br>Kedah |   |  |  |
| Kuil Sri Bala<br>Thandayuthapani<br>, Negeri<br>Sembilan  |  |  |  |

#### b) Warna


Warna adalah aspek pertama yang dilihat oleh pelanggan atau pengguna apabila melihat sesuatu papan tanda (Simon, 2015). Selain itu, penggunaan pelbagai warna membezakan dan menunjukkan mesej dalam papan tanda dan berfungsi sebagai alat hiasan. Warna memainkan peranan penting di kuil-kuil Hindu yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah. Papan tanda dan dinding kuil direka dengan menggunakan pelbagai warna seperti hitam, putih, merah, kuning, hijau dan biru. Beberapa contoh pada papan dan dinding kuil yang direka dengan menggunakan pelbagai jenis warna ditunjukkan dalam jadual 4.6.

**Jadual 4.6 : Penggunaan pelbagai warna pada papan tanda dan dinding**

| Label | Contoh bahasa kiasan                                                                 |
|-------|--------------------------------------------------------------------------------------|
| T3    |    |
| GS1   |   |
| LP9   |  |
| LP16  |  |

|      |                                                                                      |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------|
| M1   |    |
| KKH3 |    |
| LP13 |  |
| LP14 |  |





**Rajah 4.2 : Penggunaan warna pada papan tanda dan dinding kuil**

Penggunaan pelbagai warna menarik ramai penganut agama Hindu dan juga pelancong untuk membaca maklumat atau informasi yang terpapar pada papan tanda dan dinding kuil Hindu. Berdasarkan Rajah 4.2, warna putih telah mencatat jumlah yang tertinggi iaitu sebanyak 32% dan diikuti dengan warna hitam sebanyak 27%, warna merah sebanyak 14%, warna biru sebanyak 11%, warna hijau sebanyak 9% dan kuning pula adalah sebanyak 7% .

Kebanyakan papan tanda dan dinding di Kuil Arulmigu Balathandayuthapani yang terletak di Penang dan Kuil Sri Bala Thandayuthapani di Negeri Sembilan menggunakan warna putih. Responden 3 menyatakan bahawa penggunaan warna putih menarik beliau untuk membaca bahasa kiasan yang terdapat di Kuil Arulmigu Balathandayuthapani di Penang. Beliau juga menyatakan bahawa warna putih ini melambangkan suci murni, kebersihan dan biasanya perkara positif yang berkaitan dengan warna ini. Selain itu, warna putih digunakan secara luas kerana tulisan pada papan tanda yang berwarna putih boleh dilihat dengan jelas. Sebagai alternatif, putih

juga melambangkan kematian dalam agama Hindu. Janda memakai putih semasa berkabung kerana ia adalah warna yang mencerminkan keperluan mereka untuk merenung kembali ke dunia dan menjauhkan diri daripada masyarakat sambil berduka (Danielle, 2017).

Warna hitam pula kerap digunakan pada papan tanda yang terpapar bahasa kiasan di kuil Batu Caves. Responden 1 menyatakan bahawa papan tanda bahasa kiasan di kuil tersebut menggunakan warna hitam dan warna putih digunakan bagi tulisan pada papan tanda tersebut. Kombinasi dua warna ini membantu untuk melihat informasi pada papan tanda dengan jelas dan mudah untuk membaca. Responden 2 pula menyatakan warna hitam merupakan warna larangan dalam budaya India. Mereka berpendapat warna hitam ini membawa keburukan kepada seseorang jika menggunakan warna tersebut. Oleh itu, budaya India jarang menggunakan warna ini. Tetapi di kuil Batu Caves didapati banyak papan tanda yang berwarna hitam bagi mengelakkan masalah kekotoran kerana Batu Cave juga berfungsi sebagai salah satu pusat pelancongan yang utama di Malaysia (Responden 2). Dalam agama Hindu, warna hitam hanya menunjukkan kejahilan. Ia tidak mencurigakan sama sekali. Warna hitam membantu menangkis mata jahat. Mereka membuat bindi hitam kecil di muka mereka untuk perlindungan mereka. Mereka menambah gelang hitam semasa upacara khas. Warna hitam adalah warna terang bagi penganut Hindu. Hindu mendapat gelang hitam sebagai prasad di kuil mereka. Di sesetengah tempat, hitam adalah simbol ketidakbahagiaan. Itulah sebabnya orang Hindu tidak memakai pakaian hitam semasa ibadat kuil (Suhaimi, 2022).

Warna merah juga digunakan di kuil Hindu yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meluas kerana warna ini melambangkan kekayaan, kekuasaan, kemurnian, kesuburan, keindahan dalam budaya India. Warna merah adalah warna yang

terang dan sesuai digunakan dalam persekitaran yang mempunyai visual yang sesak (Hynes, 2009). Berdasarkan pendapat responden 8 dapat mengetahui bahawa merah merupakan warna yang berkuasa berbanding dengan semua warna di dalam budaya India dan mempunyai banyak makna penting dan berguna. Warna merah melambangkan rasa takut, api, kekayaan, cinta, dan keindahan. Dalam agama Hindu, warna merah melambangkan konsep positif. Untuk majlis perkahwinan, pengantin perempuan memakai pakaian merah, meletakkan pewarna merah pada rambut mereka dan meletakkan titik merah di dahi mereka kerana merah melambangkan kesucian. Oleh kerana tanah liat berwarna merah dan menghasilkan banyak hasil, warna merah juga mewakili kesuburan. Sebagai warna yang berani, merah melambangkan emosi dan ciri yang berani, seperti keghairahan, keghairahan, kuasa dan kekuatan. Dewa-dewa yang memakai pakaian merah, seperti dewi Durga, memiliki sifat-sifat terhormat yang diwakili oleh warna itu (Suhaimi, 2022).

Berdasarkan dapatan temu bual dapat disimpulkan bahawa warna putih mempunyai hubungan yang rapat dengan budaya India. Menurut Sankar (2014) dalam budaya masyarakat Hindu, *thiruneer* atau *vibuthi* iaitu sebuk putih merupakan satu aspek yang penting yang boleh didapati di semua kuil Hindu. *Thiruneer* atau *vibuthi* (habuk putih) disapu didahi selepas sembahyang oleh penganut agama Hindu. Dengan ini, pengkaji dapat mengenal pasti bahawa penggunaan warna dalam papan tanda di perkarangan kuil-kuil yang terpilih dalam kajian ini mempunyai kaitan dengan masyarakat budaya India.

#### c) Simbol/Gambar

Simbol atau gambar ini digunakan untuk memperkenalkan ciri budaya secara efektif (Adam, 2014). Gambar seperti tuhan, haiwan dan simbol agama terdapat

pada papan tanda dan dinding kuil Hindu. Bilangan penggunaan gambar dan simbol yang terkumpul dalam kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 4.7.


**Jadual 4.7: Penggunaan gambar dan simbol**

| Jenis  |        |                                 | Bilagn | Jumlah |
|--------|--------|---------------------------------|--------|--------|
| Gambar | Tuhan  | Murugan                         | 1      | 3      |
|        |        | Krishna                         | 1      |        |
|        |        | Lingam                          | 1      |        |
|        | Haiwan | Ular                            | 1      | 3      |
|        |        | Burung merak                    | 1      |        |
|        |        | Angsa                           | 1      |        |
|        | Agama  | tombal ( <i>Vel</i> )           | 1      | 10     |
|        |        | belanga ( <i>kumbam</i> )       | 1      |        |
|        |        | perkataan "Om"                  | 1      |        |
|        |        | "Aum"                           | 1      |        |
|        |        | lampu minyak ( <i>vilakku</i> ) | 1      |        |
|        |        | <i>Trishula</i>                 | 1      |        |
|        |        | <i>Tabla</i>                    | 1      |        |
|        |        | <i>Bansuri</i>                  | 1      |        |
|        |        | <i>Sudarshana Chakra</i>        | 1      |        |
|        |        | <i>Shankha</i>                  | 1      |        |

Papan tanda dan dinding kuil yang memaparkan bahasa kiasan menggunakan gambar dan simbol bagi menarik penganut agama Hindu yang mengunjung ke kuil. Gambar seperti tuhan iaitu dewa Murugan, Krishna dan Lingam manakala gambar haiwan pula seperti ular, burung merak dan angsa terdapat pada papan tanda dan dinding kuil Hindu. Gambar mengandungi aspek agama seperti tombal (*Vel*), belanga (*kumbam*), perkataan dan simbol "Om" dan "Aum", lampu minyak (*vilakku*), *Trishula*, *Tabla*, *Bansuri*, *Sudarshana Chakra* dan *Shankha* terdapat pada papan tanda dan dinding kuil Hindu. Jadual 4.7 menunjukkan gambar dan simbol yang terdapat pada papan tanda dan dinding kuil Hindu.



**Jadual 4.8 Gambar pada papan tanda dan dinding kuil**

| Gambar | Label | Papan tanda                                                                          |
|--------|-------|--------------------------------------------------------------------------------------|
| Tuhan  | GS2   |    |
|        | LP19  |    |
|        | LP15  |   |
| Haiwan | LP8   |  |
|        | LP5   |  |
|        | LP3   |  |



|  |      |                                                                                    |
|--|------|------------------------------------------------------------------------------------|
|  | LP18 |  |
|--|------|------------------------------------------------------------------------------------|

Papan tanda dan dinding kuil yang menggunakan simbol agama mencatat bilangan yang tertinggi iaitu sebanyak sepuluh. Papan tanda yang berlabel GS2 menunjukkan gambar dewa Krishna. Dewa Krishna tuhan yang berkuasa dalam agama Hindu. Dewa Krishna dipercayai dilahirkan di utara India. Maklumat dan informasi tentang dewa Krishna boleh didapati dalam beberapa kitab suci Hindu, terutamanya dalam buku Mahabharata (Krishna, 2020). Kuil-kuil Hindu yang dipilih dalam kajian ini merupakan kuil dewa Murugan. Oleh itu, gambar dewa Murugan didapati pada papan tanda dan dinding kuil. Papan tanda yang berlabel LP19 mengandungi gambar dewa Murugan. Murugan adalah tuhan utama yang disembah di negara India, Sri Lanka, Mauritius, Singapura dan Malaysia. Di negara India pula mempunyai enam buah kuil yang dikenali sebagai *Arupadaiveedu* untuk dewa Murugan. Papan tanda yang berlabel LP15 memaparkan gambar Lingam. Shiva Linga atau Lingam adalah simbol yang mewakili Dewa Shiva dalam agama Hindu. Dewa Shiva dianggap tuhan yang paling berkuasa dan mewakili semua tenaga di dunia (Das, 2019).

Papan tanda dan dinding kuil juga memaparkan gambar haiwan seperti gambar ular, burung merak dan angsa. Dinding kuil yang berlabel LP8 menggunakan gambar ular. Ular mempunyai status yang tinggi dalam kalangan masyarakat yang beragama Hindu. Ular itu mewakili kelahiran semula dan kematian. Selain itu, tidak ada kuil Hindu tanpa penggunaan gambar atau patung ular pada dinding kuil (Arifin, 2015). Dinding kuil yang berlabel LP5 memaparkan gambar burung merak. Burung merak

adalah simbol keindahan, keanggunan dan kebanggaan. Burung merak ialah burung kebangsaan negara India. Dalam agama Hindu, burung merak dikaitkan dengan kebanyakan dawa dan dewi. Burung merak dipercayai berfungsi sebagai kenderaan kepada dewa Brahma dan Murugan (Naibaho, 2020). Seterusnya, dinding kuil yang berlabel LP3 menggunakan gambar angsa. Bagi agama Hindu, angsa adalah burung yang suci dan burung ini berfungsi sebagai kenderaan kepada Dewi Saraswati. Burung angsa ini juga menggambarkan simbol setia (Semadi, 2021)

Papan tanda dan dinding kuil yang menyambut perayaan *Thaipusam* juga memaparkan bahasa kiasan dengan menggunakan pelbagai gambar untuk menekankan unsur agama. Dinding kuil yang berlabel LP8 menggunakan gambar om dan aum. Perkataan Om atau Aum ini sebenarnya berbunyi seperti tiga bahagian “A” mewakili penciptaan, “U” pula manifestasi dan “M” adalah kemusnahan (Ludji, 2014).

Dinding kuil yang berlabel LP16 pula menggunakan gambar tabla dan bansuri. Tabla ialah alat musik yang diperbuat daripada kayu, logam, kain, tanah liat, tembaga, aluminium, beras, gandum, serbuk arang, besi, getah, jelaga, kulit kerbau dan kambing. Alat musik ini adalah alat tradisional di negara India. Tabla juga mempunyai kepentingan tersendiri dalam tarian tradisional. Terdapat pelbagai tarian tradisional di India seperti Bharatanatyam, Kathak, dan Odissi menggunakan alat musik ini. Dalam tarian Kathak, tabla merupakan alat musik yang utama. Bansuri pula diperbuat daripada batang buluh. Perkataan bansuri berasal daripada Baans (buluh) dan Sur (nota muzik). Bansuri mempunyai enam hingga tujuh lubang. Alat ini juga digunakan dalam tarian seperti Bharatanatyam dan Kuchipudi (Solanki & Ratanlal, 2021).

Kebanyakan papan tanda dan dinding kuil memaparkan bahasa kiasan dengan menggunakan gambar *vel* iaitu tombak. Perkara ini kerana kuil-kuil yang terpilih dalam

kajian merupakan kuil dewa Murugan. Contohnya dinding kuil yang berlabel LP8 menggunakan gambar *vel*. *Vel* sebagai simbol ketuhanan dan objek pemujaan di kuil yang menyembahkan dewa Murugan. Semasa perayaan *Thaipusam* beberapa penganut menusuk kulit, lidah atau pipi mereka dengan *vel* semasa mereka menuju ke kuil dewa Murugan (Khalid, 2018)

Dinding yang berlabel LP2 menggunakan gambar kumbam iaitu belanga. Kumbam diisi dengan air dan permukaan dihiasi dengan daun mangga dan kelapa. Kumbam ini sering digunakan dalam semua upacara atau peristiwa agama Hindu. Kadangkala kumbam ini dipenuhi dengan syiling, bijirin, emas dan juga air suci (Najib, 2013). Pelita atau lampu minyak dalam bahasa Tamil disebut sebagai *agalvilakku* merupakan salah satu alat yang popular dalam agama Hindu. Semua perayaan disambut dengan pelita. Perkara ini kerana alat ini sebagai lambang kejayaan dan kebaikan. Oleh itu, pelita digunakan dan dinyalakan di rumah penganut agama Hindu (Sugita & Pastika, 2021). Gambar pelita ini dapat dilihat pada dinding kuil yang berlabel LP14. Dinding kuil yang berlabel LP15 menggunakan gambar Trisula. Trisula adalah tombak yang berasal daripada bahasa Sanskrit. Trisula adalah tombak bergigi tiga yang melambangkan tiga sifat iaitu pencipta, pemelihara, dan pelebur (Kalidos, 1984).



Akhirnya, penggunaan gambar *Cakra Sudarsana* dan *Shankha* dapat dilihat pada dinding yang berlabel LP18. *Cakra Sudarsana* merupakan senjata berputar dengan 108 gerigi tajam di tepinya. Senjata itu dimiliki oleh Dewa Vishnu iaitu penjaga surga. *Shankha* pula kerang tempurung ritual dalam agama Hindu. *Shankha* dipuji dalam kitab suci Hindu sebagai pemberi kemasyhuran, umur panjang, kemakmuran dan pembersih dosa (Chandra, 2018).



#### 4.2.2 Alasan yang munasabah (*Good Reason*)

Prinsip alasan yang munasabah (*good reason*) yang diutarakan oleh Ben-Rafael (2009) menerangkan bahasa yang digunakan pada papan tanda mesti mengandungi maklumat dan informasi yang berguna kepada masyarakat di sesuatu tempat. Penggunaan bahasa dalam sesuatu tempat memberikan maklumat dan memenuhi kehendak pelanggan. Secara amnya, kebanyakan bahasa kiasan di kuil berfungsi untuk memberikan maklumat kepada penganut agama Hindu yang mengunjung ke kuil yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah.

**Jadual 4.9 Papan tanda dan dinding kuil yang mengandungi maklumat**

| Label | Contoh Bahasa kiasan                                                                 |
|-------|--------------------------------------------------------------------------------------|
| T11   |   |
| T5    |  |
| GS2   |  |

|      |                                                                                     |
|------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| LP5  |   |
| M1   |   |
| KKH3 |  |

Bahasa kiasan yang terdapat di kuil yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah ini memberikan pelbagai maklumat dan informasi yang berguna kepada para pengunjung dan juga pelancong. Papan tanda yang berlabel T11 memaparkan jenis bahasa kiasan *thirukkural*. Responden 3 menyatakan bahawa *Thirukkural* menerangkan aspek-aspek yang penting dalam kehidupan seseorang dan juga dijadikan sebagai panduan hidup kepada setiap manusia. *Thirukkural* pada papan tanda T11 ini menerangkan bahawa seseorang anak mesti bertanggungjawab kepada bapa yang membantu dan berkorban untuk menjadikan anaknya sebagai seorang yang berguna. Papan tanda yang berlabel T5 juga memaparkan *thirukkural*. Responden 1 menyatakana bahawa *Thirukkural* mengandungi nilai etika dan moral yang penting kepada kehidupan seseorang. Selain itu, di belakang papan tanda *thirukkural* diterangi

dengan patung dan gambar yang menyokong makna supaya para penganut memahami informasi atau maklumat *thirukkural* yang dipaparkan. Beliau juga menyatakan bahawa *Thirukkural* mudah difahami jika dibandingkan dengan sastra Tamil yang lain. Papan tanda *Thirukkural* yang berlabel T5 menerangkan bahawa mereka yang dilahirkan dalam keluarga yang baik patut mempunyai empat sifat yang penting seperti sentiasa bermuka senyum, membantu, tidak menyakitkan hati orang lain dan sentiasa bercakap baik. *Thirukkural* ini mengajar ciri-ciri yang mesti ada pada seseorang dalam kehidupan mereka.

Papan tanda yang berlabel GS2 memaparkan *Geetha saram*. Respondn 5 menyatakan bahawa membaca dan mematuhi *Geetha Saaram* ini dapat membantu kita dalam mengalami ketenangan dan kegembiraan dalam diri seseorang. Responden 7 pula menyatakan bahawa papan tanda yang berlabel LP5 memaparkan lagu pujaan yang menerangkan manusia telah dianugerahi dengan ilmu dan pendidikan yang hebat. Oleh itu, kami perlu mengelakkan dirinya daripada perkara yang negatif dan sentiasa membaca lagu-lagu pujian dengan lidah yang dianugerahkan oleh Tuhan.

Papan tanda yang berlabel M1 merupakan *Muthurai*. Responden 3 menyatakan bahawa *Muthurai* ini menerangkan bahawa setiap manusia mesti bergaul dengan orang yang berkelakuan baik, mendengar kata-kata mereka, berkongsi sifat mereka dengan orang lain dan menjadikan mereka sebagai kawan. Papan tanda yang berlabel KKH3 pula memaparkan kata-kata hikmat. Responden 4 menyatakan bahawa kata-kata hikmat yang terdapt dipersekitaran kuil Penang, menerangkan aspek atau perkara yang penting dalam kehidupan para pengunjung dan pelancong ke kuil tersebut. Selain itu, bahasa kiasan di kuil ini memberikan motivasi semasa mendaki 513 anak tangga kuil tersebut. Papan tanda yang berlabel KKH3 ini memberi sesuatu harapan merupakan aspek yang penting yang mana dalam kehidupan seseorang.



#### 4.2.3 Hubungan kuasa (*Power Relation*)

Ben-Rafael (2009) menyatakan bahawa prinsip ini digunakan untuk mengenal pasti penggunaan bahasa dalam sesuatu tempat. Jika sesuatu bahasa digunakan secara meluas maka bahasa tersebut dijadikan sebagai bahasa dominan di tempat tersebut.

##### a) Jenis bahasa

Papan tanda dan dinding kuil Hindu yang memaparkan bahasa kiasan menggunakan tiga jenis bahasa iaitu bahasa Tamil, bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Jadual 4.10 menunjukkan bahasa utama yang digunakan di kuil-kuil yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah.

**Jadual 4.10 Bahasa utama yang digunakan di kuil**

| Kuil-kuil menyambut perayaan Thaipusam         | Bahasa       |                 |             |
|------------------------------------------------|--------------|-----------------|-------------|
|                                                | Bahasa Tamil | Bahasa Inggeris | Bahasa Cina |
|                                                | Bilangan     | Bilangan        | Bilangan    |
| Batu Caves Sri Subramaniam Swamy, Selangor     | 11           | 11              | 10          |
| Kuil Arulmigu Balathandayuthapani, Penang      | 12           | 8               | -           |
| Kuil Sri Subramaniya Swami Devasthanam, Kedah  | 18           | -               | -           |
| Kuil Sri Bala Thandayuthapani, Negeri Sembilan | 3            | -               | -           |


Bahasa Tamil merupakan bahasa utama yang digunakan pada papan tanda dan dinding kuil Hindu. Kesemua bahasa kiasan iaitu sebanyak 44 yang dikaji dalam kajian ini menggunakan bahasa Tamil. Hal ini demikian kerana kebanyakan penganut yang beragama Hindu yang mengunjungi ke kuil-kuil tersebut menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa komunikasi harian mereka. Selain itu, pengurus kuil di kuil-kuil yang terpilih dalam kajian ini memberikan peluang kepada rakyat Malaysia untuk

mempelajari bahasa kiasan dalam bahasa Tamil. Responden 6 menyatakan bahawa tujuan utama bahasa Tamil digunakan secara luas untuk meningkatkan penggunaan bahasa Tamil dalam kehidupan harian penganut agama Hindu. Perkara ini kerana kebanyakan masyarakat yang beragama Hindu di Malaysia mementingkan bahasa Inggeris dan kerap menggunakan bahasa tersebut semasa berkomunikasi dengan orang lain. Responden 5 pula menyatakan bahawa bahasa Tamil digunakan secara luas dan ramai yang berkemahiran dalam bahasa Tamil yang mengunjungi ke kuil Kedah.




Bahasa yang lain seperti bahasa Inggeris dan juga bahasa Cina terdapat di kuil Hindu. Bahasa Inggeris digunakan sebanyak 19 kali pada papan tanda dan dinding kuil. Responden 1 menyatakan bahawa di kuil Batu Caves menggunakan bahasa Tamil, bahasa Inggeris dan bahasa Cina pada papan tanda bahasa kiasan disebabkan oleh kuil tersebut bukan dikunjungi oleh penganut beragama Hindu malah pelancong dari pelbagai negeri dan bangsa yang lain di Malaysia juga membanjiri ke kuil tersebut. Bagi menarik para pelancong bahasa Cina dan Inggeris digunakan pada papan tanda. Bahasa Cina pula digunakan pada sepuluh papan tanda bagi memaparkan bahasa kiasan.

Di Malaysia *lingua franca* merupakan bahasa Melayu namun bahasa Melayu tidak dilihat pada papan tanda ataupun pada dinding kuil-kuil yang dikaji. Hal ini mungkin kerana masyarakat Melayu jarang mengunjungi kuil-kuil bergama Hindu. Oleh disebabkan kajian ini dijalankan di kuil, Bahasa Tamil merupakan bahasa dominan. Dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Bahtiar (2019) dimana bahasa di tempat ibadat yang terletak di Surabaya, bahasa Indonesia merupakan bahasa dominan di enam tempat ibadat yang mewakili enam agama di Indonesia. Perkara ini disebabkan bahasa Indonesia berperanan sebagai *lingua franca* dan juga bahasa kebangsaan di Indonesia (Nuryanto, 2015). Jadual 4.11 menunjukkan gambar papan tanda dan dinding kuil Hindu yang menggunakan pelbagai jenis bahasa.

**Jadual 4.11 :Papan tanda yang menggunakan Bahasa Tamil**

| Label | Contoh bahasa kiasan                                                                 |
|-------|--------------------------------------------------------------------------------------|
| LP13  |    |
| LP19  |    |
| KKH5  |   |
| A1    |  |

**Jadual 4.12: Papan tanda yang menggunakan Bahasa Inggeris**

| Label | Contoh bahasa kiasan                                                                 |
|-------|--------------------------------------------------------------------------------------|
| GS1   |    |
| A1    |    |
| KKH7  |  |
| T11   |  |

**Jadual 4.13: Papan tanda yang menggunakan Bahasa Cina**

| Label | Contoh bahasa kiasan |
|-------|----------------------|
| T3    |                      |
| T9    |                      |
| T2    |                      |



#### 4.2.4 Identitif kolektif (*Collective Identity*)

Prinsip identitif kolektif ditunjukkan melalui amalan budaya masyarakat yang beragama Hindu. Budaya ini merangkumi banyak aspek sosial seperti bahasa, adat, nilai, norma, adat istiadat dan peraturan (Mohapatra, 2017). Kebanyakan bahasa kiasan di kuil melambangkan kepercayaan, tingkah laku, pengetahuan dan tabiat budaya India. Kebudayaan bersifat dinamik bermaksud amalan dan cara hidup masyarakat mengalami perubahan kesan perkembangan masa, dan kemajuan masyarakatnya. Jadual 4.14 menunjukkan amalan budaya masyarakat Hindu yang ditunjukkan melalui bahasa kiasan yang dipaparkan pada papan tanda dan dinding kuil Hindu. Prinsip identitif kolektif ini terdapat pada jenis bahasa kiasan *Thirukkural*, *Geetha saram*, lagu pujaan dewa dan dewi, *Aathichoodi* dan kata-kata hikmat.

**Jadual 4.14 Papan tanda dan dinding yang menunjukkan identiti kolektif**

| Label | Contoh Bahasa Kiasan                                                                 |
|-------|--------------------------------------------------------------------------------------|
| GS3   |  |
| LP13  |  |

|      |                                                                                     |
|------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| A1   |   |
| KKH5 |   |
| LP21 |  |

Papan tanda bahasa kiasan yang berlabel GS3 merupakan *Geetha Saram*. *Geetha saram* merupakan teks yang terdapat dalam Bhagavad Gita iaitu kitab suci agama Hindu. Teks yang terdapat dalam buku ini menjadi karya penting tradisi Hindu dari segi sastera dan falsafah. Dalam budaya India *Geetha Saram* ini sangat penting untuk mengikuti ritual keagamaan yang tepat dan juga dapat memuaskan Tuhan dengan pembacaan teks tersebut. Berdasarkan Responden 5 kebanyakan masyarakat yang beragama Hindu mengamalkan pembacaan teks dan mengamalkan apa yang diperkatakan dalam *Geetha Saram* dalam kehidupan mereka. *Geetha Saaram* ini membantu terhadap ketenangan dan kegembiraan dalam diri sendiri. Responden 6 pula

menyatakan bahawa dalam Bhagavad Gita, Krishna menjelaskan bagaimana seseorang menangani permasalahan yang dihadapi oleh seseorang.

Papan tanda yang berlabel LP13 merupakan lagu pujaan untuk dewa Vinayagar. Responden 5 menyatakan bahawa masyarakat yang beragama Hindu di seluruh dunia menyembah dewa Vinayagar terlebih dahulu sebelum memujakan dewa dan dewi yang lain. Dewa Vinayagar disembahyangkan terlebih dahulu sebelum memulakan sesuatu peristiwa atau upacara keagamaan seperti perkahwinan. Responden 7 menyatakan bahawa Penganut Hindu mesti mengetahui dan menyanyikan lagu pujaan *Ayindhu Karathanai* semasa pemujaan di rumah atau kuil.

Papan tanda yang berlabel A1 merupakan *Aathichoodi*. Responden 4 menyatakan papan tanda *Aathichoodi* yang terdapat di Kuil Arulmigu Balathandayuthapani yang terletak di Penang iaitu *Aram Seiya Virumbu* bermakna keinginan untuk melakukan perbuatan baik seperti menderma. *Aram* atau dharma merupakan objektif mulia yang perlu diamalkan dalam budaya India. Dalam budaya ini, menderma makanan (*Annadanam*) diutamakan berbanding menderma bahan yang lain. Budaya masyarakat India mempercayai tidak ada perbuatan yang lebih baik daripada memberi makanan kepada orang yang memerlukan.

Papan bahasa kiasan yang berlabel KKH5 menunjukkan kata-kata hikmat. Responden 3 menyatakan bahawa perkataan *anbu* yang terdapat dalam kata-kata hikmat yang terdapat di kuil Hindu menggambarkan aspek budaya India. *Anbu* bermaksud perasaan kasih sayang terhadap orang lain selalu dipentingkan dalam budaya India. Perkataan ini sering digunakan dan diutamakan dalam kitab-kitab suci budaya India. Papan tanda yang berlabel LP21 memaparkan *Kanda Sashti Kavacham*. Lagu pujaan ini dinyanyikan untuk dewa Murugan. Responden 3 menyatakan bahawa *Kanda Sashti*



*Kavacham* salah satu lagu pujaan Tamil yang kerap dinyayikan di kuil Murugan. Kebanyakan rumah beragama Hindu juga memainkan atau menyanyikan lagu ini setiap hari atau pagi. Masyarakat India mempercayai lagu ini membantu mereka untuk mendapat kebaikan dan keberanian serta mampu menjadi melindungi diri seseorang daripada segala kejahatan dalam kehidupan.

Amalan budaya penganut yang beragama Hindu dapat ditunjukkan melalui prinsip identiti kolektif. Kebanyakan papan tanda dan dinding kuil yang memaparkan bahasa kiasan menggambarkan budaya masyarakat India kepada para penganut dan pengunjung yang mengunjungi ke kuil-kuil tersebut.

#### 4.3 Perspektif pengunjung terhadap bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding di kuil-kuil Hindu di Malaysia

Penggunaan bahasa kiasan di kuil-kuil ini amat penting bagi membantu mengetahui dan mempelajari bahasa kiasan Tamil. Responden 1 yang mengunjungi ke kuil Batu Caves merupakan seorang penganut lelaki yang berumur 32 tahun dan mempunyai taraf pendidikan tinggi iaitu Diploma berbanding dengan Responden 2 iaitu pengurus kuil lelaki yang berumur 25 tahun yang mempunyai taraf pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Responden 1 menyatakan bahawa bahasa kiasan yang terdapat di kuil Batu Caves yang terletak di Selangor dipaparkan di tempat yang khas iaitu Thiruvallur Kudam. Di tempat ini terdapat bahasa kiasan jenis *thirukkural* dengan menggunakan pelbagai patung yang berwarna-warni yang bersesuaian dengan makna *thirukkural* yang terpapar. Para pengunjung dari luar dan dalam negara boleh mengunjungi ke tempat tersebut dengan yuran kemasukan yang berpatutan. Responden 2 pula menyatakan bahawa *thirukkural* yang terpapar pada papan tanda di kuil Batu Caves ditulis dalam bahasa Tamil, Inggeris dan Cina. Perkara ini bukan sahaja menarik penganut agama Hindu malah agama yang lain yang mengunjungi ke kuil juga menarik untuk membaca bahasa kiasan. Selain itu, kuil ini menyediakan peluang kepada agama yang lain dan pelancong untuk mengetahui bahasa kiasan Tamil iaitu *Thirukkural* dan *Geetha saaram*. Pandangan kedua-dua responden adalah berbeza disebabkan oleh tahap pendidikan mereka. Responden 1 memberikan pandangan terhadap penggunaan bahasa kiasan dengan warna dan gambar atau patung yang digunakan dapat menyampaikan makna yang bahasa kiasan terpapar di kuil Batu Caves. Manakala Responden 2 hanya memberikan pandangan umum tentang penggunaan bahasa yang digunakan untuk memaparkan bahasa kiasan di kuil tersebut.

Kuil Arulmigu Balathandayuthapani yang terletak di Penang memaparkan pelbagai bahasa kiasan sepanjang perjalanan ke kuil tersebut. Responden 3 pula merupakan seorang penganut lelaki yang berusia 33 tahun dan mempunyai taraf pendidikan SPM kerap mengunjungi ke kuil dewa Murugan yang terletak di Penang. Responden 3 menyatakan bahawa bahasa kiasan dapat dilihat semasa menaiki 513 anak tangga kuil tersebut. Perkara ini menyediakan peluang kepada penganut agama Hindu dan pelancong yang mengunjungi ke kuil tersebut untuk mempelajari bahasa kiasan Tamil. Bahasa kiasan seperti *Thirukkural*, *Geetha Saaram*, *Muthurai* dan lagu pujaan dewa Murugan boleh dilihat di persekitaran kuil tersebut. Responden 4 merupakan seorang penganut perempuan yang berumur 29 tahun dan mempunyai taraf pendidikan yang tinggi berbanding dengan responden yang lain iaitu Ijazah sarjana. Responden 4 juga mempunyai pengetahuan dan maklumat mengenai bahasa kiasan Tamil. Responden 4 pula menyatakan bahawa jenis bahasa kiasan kata-kata hikmat yang terdapat sepanjang perjalanan ke kuil tersebut memberikan motivasi kepada para pengunjung yang menaiki 513 anak tangga kuil tersebut.

Kuil Sri Bala Thandayuthapani yang terletak di Negeri Sembilan merupakan salah satu kuil yang tertua untuk dewa Murugan di Malaysia. Responden 5 merupakan seorang penganut lelaki yang berumur 21 tahun dan mempunyai taraf pendidikan SPM manakala Responden 6 juga seorang penganut lelaki yang berumur 28 tahun yang mempunyai taraf pendidikan Diploma. Responden 5 menyatakan bahawa jenis bahasa kiasan yang didapati di persekitaran kuil ini ialah *Geetha Saram*, *Thirupuzha* dan lagu pujaan dewa Murugan. Walaupun pengguna bahasa kiasan yang terdapat di kuil ini didapati terhad berbanding dengan kuil yang lain tetapi kesemua bahasa kiasan tersebut terdapat dalam bahasa Tamil kerap digunakan dan ramai penganut agama Hindu yang berkemahiran dalam bahasa Tamil yang mengunjungi ke kuil tersebut. Responden 6

pula menyatakan bahawa bahasa kiasan yang terdapat pada papan tanda terdapat dalam bahasa Tamil dapat membantu beliau mempelajari bahasa kiasan dan bahasa kiasan yang terdapat di kuil dewa Murugan yang terletak di Negeri Sembilan dapat menyampaikan maklumat yang berguna kepada kehidupan para penganut dan pengunjung.

Akhirnya, Kuil Sri Subramaniya Swami Devasthanam yang terletak di Kedah hanya menggunakan jenis bahasa kiasan lagu-lagu pujaan dewa dan dewi yang dipaparkan di luar persekitaran kuil. Responden 7 pula merupakan seorang pengurus kuil lelaki yang berumur 42 tahun dan mempunyai taraf pendidikan Diploma. Beliau mempunyai pengetahuan terhadap lagu pujaan dewa-dewi yang kerap digunakan di kuil tersebut semasa pemujaan. Responden 8 merupakan seorang penganut perempuan yang berusia 34 tahun yang mempunyai taraf pendidikan SPM. Responden 7 menyatakan bahawa kebanyakan lagu pujaan yang dipaparkan di kuil Kedah ini digunakan dan dinyanyikan semasa pemujaan agama Hindu. Kesemua lagu pujaan ini mengandungi kebaikan tersendiri dan akan memberi manfaat kepada orang yang menyanyikan. Responden 8 pula menyatakan lagu-lagu pujaan dihiasi dengan pelbagai jenis gambar dan patung yang berwarna-warni untuk menarik para pengunjung dan pelancong.

#### **4.4 Kesimpulan**

Pengkaji telah menjawab ketiga-tiga soalan kajian. Sebanyak 44 papan tanda dan dinding kuil telah dikumpulkan daripada empat buah kuil Hindu. Lapan responden telah ditemubual untuk mengenal pasti ciri dan perspektif pengunjung terhadap papan tanda dan dinding kuil Hindu. Berdasarkan kepada analisis kajian jenis bahasa kiasan ciri, perspektif pengunjung terhadap papan tanda dan dinding kuil Hindu dapat diterangkan dengan lebih jelas. Dalam bab seterusnya pengkaji akan merumuskan analisis kajian.

## **BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN**

### **5.0 Pengenalan**

Bab ini membincangkan hasil dapatan yang dibincangkan dalam Bab 4. Hasil dapatan kajian dihuraikan berdasarkan tiga objektif kajian iaitu jenis bahasa kiasan, ciri bahasa kiasan dan perspektif pengunjung terhadap bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding kuil Hindu. Bab ini juga memberi dan cadangan untuk kajian masa hadapan mengenai bidang Landskap Linguistik (LL) dan bahasa kiasan.

### **5.1 Jenis bahasa kiasan yang terdapat di kuil**

Kajian ini telah memberi penerangan yang rinci tentang keadaan LL kuil-kuil yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah dan meneliti jenis bahasa kiasan pada papan tanda dan dinding kuil. Enam jenis bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding kuil. Analisis menunjukkan bahawa jenis bahasa kiasan lagu-lagu pujaan dewa-dewi adalah lebih tinggi terpapar pada papan tanda dan dinding kuil. Daripada sejumlah 44 papan tanda yang diteliti, didapati sebanyak 21 lagu pujaan dewa-dewi. Pengguna jenis bahasa kiasan *Aathichoodi* dan *Muthurai* mencatat jumlah yang rendah iaitu sebanyak satu berbanding dengan jenis bahasa kiasan yang lain. Sebeb utama penggunaan lagu-lagu pujaan dewa dan dewi digunakan secara luas kerana jenis bahasa kiasan ini merupakan lagu suci tuhan. Selain itu, lagu pujaan dewa-dewi merupakan lagu yang dinyanyikan semasa pemujaan di kuil Hindu dan masyarakat beragama Hindu mempunyai kepercayaan iaitu individu yang menyanyikan lagu pujaan akan mendapat kebaikan dan juga dipercayai dapat mengembirakan Tuhan.

## 5.2 Ciri Bahasa Kiasan Yang Terdapat Di Kuil

Persoalan kajian yang kedua iaitu ciri bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding kuil dapat dijawab dengan menggunakan prinsip yang diperkenalkan oleh Ben-Rafael (2009) iaitu Prinsip Penstrukturan Landskap Linguistik. Prinsip persembahan diri (*presentation of self*) merupakan prinsip yang pertama dalam Prinsip Penstrukturan. Kesemua 44 papan tanda dan dinding kuil yang terpapar bahasa kiasan Tamil dikaji dari segi bahasa, warna dan simbol atau gambar. Dapatan kajian menerangkan bahawa, papan tanda dan dinding kuil di kuil-kuil yang terpilih dalam kajian ini lebih memfokuskan penganut yang beragama Hindu. Perkara ini kerana warna, simbol atau gambar yang digunakan dalam papan tanda dan dinding di kuil mempunyai hubungan yang rapat dengan agama Hindu dan masyarakat Hindu.

Prinsip kedua pula sebab yang munasabah (*good reason*) menjelaskan bahawa bahasa kiasan yang terdapat pada papan tanda dan dinding kuil dipaparkan dengan tujuan menarik perhatian dan memberi informasi kepada penganut agama Hindu dan juga pelancong yang mengunjungi ke kuil-kuil yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah. Oleh yang demikian setiap papan tanda dan dinding kuil direka dan mengandungi keunikan yang berbeza daripada papan tanda yang terdapat di luar pekarangan kuil.

Hubungan kuasa (*power relation*) merupakan prinsip yang kedua yang menjelaskan bahawa penggunaan sesuatu bahasa di sesuatu tempat. Jika sesuatu bahasa yang digunakan di sesuatu tempat mempunyai penguasaan yang tinggi maka bahasa tersebut dijadikan sebagai bahasa rasmi di tempat tersebut (Ben-Rafael, 2009). Seajar dengan pendapat Ben-Rafael (2009) di kuil-kuil yang terkenal dalam sambutan perayaan *Thaipusam* didapati penggunaan bahasa Tamil adalah mempunyai penguasaan yang sangat tinggi berbanding dengan bahasa yang lain. Sebanyak 44 papan tanda dan dinding kuil yang

dikaji dalam kajian ini didapati kesemua papan tanda dan dinding kuil menggunakan bahasa Tamil. Oleh itu, berdasarkan dapatan temubual dengan pihak pengurus kuil dan penganut yang beragama Hindu boleh membuat kesimpulan bahawa penganut Hindu yang mengunjungi ke kuil terpilih dalam kajian ini mempunyai kemahiran dalam bahasa Tamil dan pihak pengurusan kuil lebih menfokuskan dalam pembelajaran bahasa kiasan dalam bahasa Tamil.

Prinsip identiti kolektif (*collective identity*) pula menunjukkan bahasa yang digunakan di sesustu tempat menunjukkan kebudayaan masyarakat di kawasan tersebut. (Gorter, 2013). Jenis bahasa kiasan Tamil yang terpapar pada papan tanda dan dinding kuil yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah menunjukkan nilai kebudayaan masyarakat yang beragama Hindu kepada para pengunjung dan pelancong ke kuil-kuil tersebut. Papan tanda dan dinding kuil telah dikaji mengikut prinsip identiti kolektif menunjukkan bahawa papan tanda dan dinding kuil lebih mementingkan penganut agama Hindu berbanding pelancong. Selain itu, kajian ini membuktikan bahawa penganut Hindu mempunyai pengetahuan terhadap bahasa kiasan dan juga kerap menggunakan bahasa kiasan tersebut dalam kehidupan harian mereka.

Berdasarkan dapatan kajian kesemua Prinsip Penstrukturan yang dirancang oleh Ben-Rafael (2009) lebih memfokuskan penganut agama Hindu tetapi prinsip hubungan kuasa menggambarkan pihak pengurusan kuil juga mementing pelancong. Oleh itu, papan tanda dan dinding kuil yang mempaparkan bahasa kiasan ditulis dalam bahasa Inggeris dan bahasa Cina.

### **5.3 Perspektif pengunjung terhadap bahasa kiasan**

Papan tanda dan dinding di kuil-kuil yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah mempaparkan bahasa kiasan di tempat yang bersesuaian untuk memudahkan penganut agama Hindu dan pelancong membaca bahasa kiasan tersebut. Kebanyakan

responden kajian ini berpendapat bahawa bahasa kiasan yang terpapar pada papan tanda dan dinding kuil mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat beragama Hindu. Bahasa kiasan di kuil Hindu bukan sahaja didapati dalam bahasa Tamil malah juga didapati dalam bahasa Inggeris dan Cina digunakan pada papan tanda dan dinding kuil. Perkara ini disebabkan pelancong dan bangsa yang lain kerap mengunjungi ke kuil-kuil tersebut. Selain itu, responden kajian ini berpendapat bahasa kiasan iaitu kata-kata hikmat yang terpapar pada papan tanda dan dinding kuil memberikan motivasi, menyediakan peluang kepada penganut agama Hindu dan juga pelancong untuk mempelajari bahasa kiasan.

#### **5.4 Sumbangan kajian**

Kajian ini menggambarkan bahasa kiasan yang terdapat di kuil-kuil Hindu yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah. Pelbagai jenis bahasa kiasan seperti kata-kata hikmat, *Geetha saram*, *Muthurai*, *Aathichoodi*, *Thirukkural* dan lagu pujaan dewa-dewi terpapar pada papan tanda dan dinding kuil-kuil yang terpilih dalam kajian ini. Kajian ini telah mengenali jenis bahasa kiasan seperti kata-kata hikmat dan *Geetha Saram* yang tidak dibincangkan dalam buku *Natramizh Ilakkanam* dan *Thandiyalangaram*. Jenis-jenis bahasa kiasan ini juga tidak dibincangkan dan diterangkan sebagai data kajian di mana-mana kajian-kajian yang lepas. Dengan ini, kajian mengenai bahasa kiasan di kuil dapat membuktikan bahawa dalam bahasa Tamil, didapati jenis bahasa kiasan seperti kata-kata hikmat dan *Geetha Saram* digunakan dalam masyarakat yang beragama Hindu.



## 5.5 Cadangan Kajian

Pada masa kini, bidang sosiolinguistik khususnya bidang LL merupakan salah satu bidang yang terkenal mempunyai ruang kajian yang sangat luas untuk menjalankan kajian. Selain itu, kebanyakan kajian mengenai bahasa kiasan yang mengkaji lagu lirik, drama dan puisi dijalankan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kajian terhadap penggunaan bahasa kiasan dalam bahasa Tamil dan mengenai kuil atau tempat ibadat didapati terhad dan kurang dijalankan.

Penyelidikan ini telah merumuskan beberapa cadangan yang perlu dilakukan untuk selanjutnya untuk peningkatan kajian mengenai bahasa kiasan, tempat ibadat dan Landskap Linguistik. Pengkaji-pengkaji yang mempunyai minat terhadap bidang bahasa kiasan dan landskap linguistik mesti memberi lebih banyak perhatian dalam pemilihan teori berkaitan dengan dua aspek ini. Oleh sebab, kajian ini hanya dijalankan di kuil-kuil yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah, pengkaji boleh memperluaskan skop dengan menjalankan kajian mengenai bahasa kiasan di kuil-kuil yang lain di Malaysia. Kajian mengenai bahasa kiasan dan landskap linguistik yang mendalam memberi gambaran yang rinci tentang peranan tempat ibadat di negara Malaysia dan dapat mendedahkan penggunaan bahasa kiasan.

Kajian mengenai papan tanda dan dinding yang terpapar bahasa kiasan di kuil-kuil Hindu yang menyambut perayaan *Thaipusam* secara meriah dapat mengetahui bahawa papan tanda dan dinding menjadi aspek penyampaian maklumat kepada para penganut yang beragama Hindu dan pengunjung. Oleh itu, aspek penterjemahan harus diberikan keutamaan dan dilakukan dengan betul dan tepat supaya ia dapat menyampaikan mesej yang dikehendaki kepada para penganut dan pengunjungnya. Maka kajian tentang penterjemahan bahasa dalam papan tanda dan dinding juga boleh dijalankan. Perkara ini akan menyumbang kepada bidang sosiolinguistik dan penterjemahan. Melalui kajian ini,

bahasa kiasan khususnya lagu-lagu pujaan dewa-dewi mempunyai kedudukan dalam kajian linguistik. Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji lain, bahawa kajian ini akan diteruskan oleh pengkaji lain dengan aspek yang berbeza.

Selain daripada instrumen temu bual seperti yang digunakan dalam kajian ini, pengkaji masa hadapan boleh menggunakan instrumen yang lain seperti soal selidik. Instrumen kajian ini membantu untuk mengkaji peranan bahasa pada papan tanda dan dinding secara efektif. Segala cadangan kajian di atas diharap dapat mengembangkan mengenai bahasa kiasan dan bidang sosiolinguistik secara amnya dalam bidang LL.

## RUJUKAN

- Adam. (2014). Rapid Semantic Annotation as an Evaluative Tool for Warning Symbol Design. *Journals of SAGE Journals*, 58(1), 27-38.
- Afiqah, & Hashimah. (2016). Makna Implisit Bahasa Kiasan Melayu: Mempertalikan Komunikasi, Kognisi Dan Semantik. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 311-334.
- Alasbli, N. A. (2021). Translating Figurative Language in the Quran: An Analytical Study. *Arab Journal for Sciences and Research Publishing Repository*, 32(1), 31-34.
- Alfiyani, W. (2019). Penggunaan Gaya Bahasa Iklan Produk di Facebook. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 4(4), 73-82.
- Ali Wafa, & Wijayanti, S. (2018). Signs of Multilingualism at Religious Places in Surabaya: A Linguistic Landscape Study *Advances in Social Science, Education and Humanities Research (ASSEHR), International Conference on Language Phenomena in Multimodal Communication (KLUA 2018)*, 228.
- Alibekovna, T. M. (2021). Differentiation Of Proverbs And Sayings. *Journal NX- A Multidisciplinary Peer*, 7(6), 54-62.
- Alomoush. (2015). Multilingualism in the Linguistic Landscape of Urban Jordan (Unpublished doctoral dissertation). University of Liverpool, England.
- Amir, A. N., & Rahman, T. A. (2021). Pemikiran Za‘Ba dan Kesannya Kepada Kebangkitan Perjuangan Nasionalisme Melayu.
- Anastasia. (2018). Jenis dan fungsi gaya bahasa kiasan pada lirik lagu Band Naif dan Payung Teduh. *Jurnal Ilmiah Kebudayaan Sintesis*, 12(2), 107-117.
- Andriyanti. (2019). Linguistic Landscape at Yogyakarta’s Senior High Schools in Multilingual Context: Patterns and Representation. *Indonesian Journal Of Applied Linguistics*, 9(1), 85-97.

- Anurani. (2019). Terjemahan metafora *Thirukkural* dari Bahasa Tamil ke Bahasa Melayu. Masters thesis, University of Malaya.
- Arifin, F. (2015). Representasi Simbol Candi Hindu Dalam Kehidupan Manusia: Kajian Linguistik Antropologis. *Jurnal Penelitian Humaniora*, 16(2), 12-20.
- Arunasalam. (2017). *Thonmaiyyin Thodarchchi*. Mall Publications, Kuala Lumpur.
- Azma, Z., & Fuad, A. (2011). Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(3), UPM.
- Bahtiar. (2019). *Multilingualism And Diversity Of Religions In Indonesia: Linguistic Landscape Of Places Of Worship In Surabaya*.
- Belliana, R. C. (2019). Festival Thaipusam Sebagai Daya Tarik Wisata Budaya Di Batu Caves Malaysia.
- Ben-Rafael, E. (2009). A Sociolinguistic approach to the study of Linguistic Landscapes. *Linguistic Landscape: Expanding the scenery*, 3(1), 40-54.
- Berianto, A. I. (2020). Linguistics Landscapes: Commercial Outdoor Sign in Kuta Bali. *International Journal of Linguistics*, 9(2), 182-298.
- Berita Harian. (2020). Thaipusam dirai meriah di seluruh negara. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/653867/thaipusam-dirai-meriah-di-seluruh-negara>
- Bharadwaj, S. (2018). Linguistic Landscaping in North-East India: A Case Study of Tezpur Town in Assam. *Indian Journal Of Applied Linguistics*, 44, 1-2.
- Bruyèl-Olmedo, A., & Juan-Garau, M. (2009). English as a Lingua Franca in the linguistic landscape of the multilingual resort of S'Arenal in Mallorca. *International Journal of Multilingualism*, 6(4).
- Cenoz, & Gorter. (2006). Linguistic Landscape and Minority Languages. *International Journal of Multilingualism*, 3(1), 67-80.

- Chandra. (2018). A Vishnu Sculpture from Kelzar, District Wardha, Maharashtra.  
*Journal of Multidisciplinary Studies in Archaeology*, 6, 813-819.
- Chayanit, & Abhinan. (2021). Figurative Language Used by an American Singer: A Case Study of Lauv's Songs. *RSU International Research Conference 2021*.
- Ching. (2006). *Memetakan kaedah analisis kandungan: Satu tinjauan awal*. University Malaysia Sabah,
- Ching, L. C. (2006). Memetakan kaedah analisis kandungan: Satu tinjauan awal.  
*Journal of Educational Television*, 2(1), 99-122.
- Coluzzi, P., & Kitade, R. (2015). The languages of places of worship in the Kuala Lumpur area: A study on the "religious" linguistic landscape in Malaysia.  
*Linguistic Landscape An International Journal*, 1(3), 243-267.
- Dakowska. (2018). *Teaching English as a Foreign Language. A Guide for Professionals*: Wydawnictwo Naukowe PWN, Warsaw.
- Dancygier, & Sweetser. (2014). *Figurative Language*. Cambridge University Press United Kingdom.
- Dixson, A. E. (2015). Analyzing The Multilingual Linguistic Landscape Of Buffalo, New York.
- Efendi, D. (2021). Stylistics Analysis In Literature of Figurative Language Used In Black Lives Matter Community's Poems. *Jurnal Ilmiah Langue and Parole*, 4(2).
- Erikha. (2018). Konsep Lanskap Linguistik pada Papan Nama Jalan Kerajaan (Râjamârga) [The Linguistic Landscape of Royal Road in Yogyakarta City].  
*Paradigma Jurnal Kajian Budaya*, 8(1), 38.
- Fadlilah. (2020). Figurative language in the Scarlet Letter. *Journal of English Language Teaching*, 4(1), 34.

- Fadlilah, L. (2017). Figurative Language In The Scarlet Letter. *Journal of English Language Teaching* 4 (1).
- Fajrin, M. Y., & Parmawati, A. (2021). An Analysis Of Figurative Language Found In Song Of Bruno Mars Entitled “Grenade”. *Professional Journal of English Education*, 4(4).
- Galily, Y. (2012). Linguistic Landscape: Investigation of Linguistic Representations of Cape Town. *International Journal of Linguistics, Literature and Culture*, 4(3).
- Gee. (2014). *An Introduction to Discourse Analysis: Theory and Method*: New York.
- Gorter. (2006). Introduction: The Study of the Linguistic Landscape as a New Approach to Multilingualism. *International Journal of Multilingualism*, 3(1), 1-6.
- Graul. (2015). Terjemahan *Tirukkural* ke dalam bahasa Jerman.
- Harya. (2017). An analysis of figurative languages used in coelhos’s novel entitled “Alchemist”. *Premise Journal*, 5(2).
- Hashimah, J. (2015). Pelestarian dan Perekayasaan Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* 19(1) ,001-013.
- Hidayul, & Alek. (2021). An Analysis of Figurative Language in Maroon 5 – Nobody’s Love Song Lyrics. *Wanastra Jurnal Bahasa dan Sastra*, 13(1), 32-38.
- Hinduism. (2006). Batu Caves: The Most Sacred Hindu Temple in Malaysia [Blog post]. Retrieved from <https://www.hinduismtoday.com/blogs-news/hindu-press-international/world-s-tallest-murugan-statue-unveiled-at-batu-caves--malaysia/5680.html>.
- Hynes. (2009). Colour and meaning in corporate logos: An empirical study. *Journal of Brand Management*, 16(8), 545-555.
- Imas Susilawati, Sartika Sartika, & Solihin, S. (2022). An Analysis of Idioms in Sumbawanese Songs. *Jurnal Ilmiah Ilmu Pendidikan*, 5(1).

- Indrojarwa. (2010). Design study of standardization of street name signage for city of Indoensia. Surabaya: Jurusan Desain Produk Industri, FTSP ITS.
- Inya, B. T. ( 2019). Linguistic Landscape of Religious Signboards in Ado Ekiti, Nigeria: Culture, Identity and Globalisation. *Theory and Practice in Language Studies*, 9(9), 1146-1159.
- Jasmi, & Karjo. (2008). *Fungsi dan peranan masjid dalam masyarakat hadhari* ,Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press.
- Jaworski, A. (2010). Linguistic Landscapes on Postcards: Tourist Mediation and the Sociolinguistic Communities of Contact. *Second Strings and Linguistic Connections: Bilingual and Bilingualistic Explorations. Dedicated to Professor Michel Blanc*, 4( 3)
- Jupri, Aprianoto, & Firman, E. (2022). The Application Of Linguistic Landscape In Mataram City Kota Madya Mataram, West Nusa Tenggara Province, Indonesia. *Jurnal Ilmiah Mandala Education (JIME)*,8(3).
- Jolayemi, D., & Olayemi, M. M. (2017). Road Signs As Linguistic Landscape In Nigeria: A Semiotic Communication. *International Journal of English Language and Linguistics Research*, 5(5), 1-14.
- Joshua Sunday Ayantayoa, & Igboanusiba, H. (2022). The Role of Linguistic Landscape in Language Maintenance: A Case Study of Yoruba in Ibadan. *Journal of Applied Language and Culture Studies*, 5(2), 232-247.
- Kalidos, R. (1984). The Hindu Temple As A Symbol Of "Pancakrtya". *Proceedings of the Indian History Congress*, 45(7), 205-211.
- Kanaka, & Mohan, S. (2020). Spirituality, Happiness And Classical Dance- Their Linkage As Portrayed In The Tirumurai. *Journal of Critical Reviews*, 7(1).

- Kasma. (2021). An Analysis of Figurative Language in Cnn International News Headlines Post on Facebook. *Linguistics and Translation Studies*, Program Studi Sastra Inggris Fakultas Bahasa Asing, Universitas Mahasaraswati, Denpasar, Bali, Indonesia. *Elysian Journal English Literature*, 1(3).
- Kasim, A. (2011). Balancing Tourism and Religious Experience: Understanding Devotees' Perspectives on Thaipusam in Batu Caves, Selangor, Malaysia. *Journal of Hospitality Marketing & Management*, 20(4), 441-456.
- Widya Purnawati, Artawa, & Satyawati, M. S. (2022). Linguistic Landscape of Jalan Gajah Mada Heritage Area in Denpasar City. *Jurnal Arbitrer*, 9(1).
- Khalid, I. (2018). Kenapa 'Vel! Vel!' dilaungkan semasa perayaan Thaipusam? *Astro Awani*.
- Komorowska. (2005). *Teaching English as a Foreign Language .A Guide for Professionals*: Wydawnictwo Naukowe PWN, Warsaw.
- Kowsalya. (2010). *Payanpattu Tamil*. Tannatci Chennai Arts and Humanities, Language, Language and Linguistics.
- Krishna, I. B. W. (2020). Tinjauan Denominasi Mayor Dalam Konsep Ketuhanan Hindu. *Genta Hredaya*, 4(2).
- Kumaran. (2017). From Matter to Spirit: Metaphors of Enlightenment in Bhagavad-gītā. *Journal of Language Studies*, 17(2).
- Kumarasampillai. (1926). *Thandiyalangaram: Ainthinai Pathippagam*, Chennai, Tamil Nadu, India.
- Lacsina, N. (2022). Keep social distance: The linguistic landscape of the major malls in Jeddah amid the COVID-19 pandemic. *Topics in Linguistics*, 23(1), 39-61.



- Landry, & Bourhis. (1997). Linguistic Landscape and Ethnolinguistic Vitality: an Empirical Study. *Language and Social Psychology* 16(1), 23-49.
- Landry, & Bourhis. (2008). *Knowledge about Language and Linguistic Landscape. Linguistic landscapes and multilingualism*. Encyclopedia of Language and Education.
- Lee, C., & Xiao, R. (2019). English in the linguistic landscape of the Palace Museum: a field-based sociolinguistic approach. *Social Semiotics*.
- Ludji, I. (2014). God As Sound-Consciousness. *Indonesian Journal of Theology*, 2(1), 65-77.
- Malaysiakini. (2020). Thaipusam dirai penuh meriah di seluruh negara. Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/news/510085>
- Mani, Murugan, & Rajendran. (2010). TQM is a must for success, but not sufficient for survival: A conceptual framework as contemplated in ancient Tamil literature in India, 395-405.
- Manokaran. (2019). Analisis metafora dalam novel Elachia Payanam. Masters thesis, University of Malaya.
- Mathavi. (2017). Makna simbol kuil saivism dalam kalangan Hindu, India: Satu kajian kes di kuil Nagamma, Bangi, Selangor. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1), 42-78.
- Mazumdar, S. (2004). Religion and Place Attachment: A Study of Sacred Places. *Journal of Environmental Psychology*, 24(3), 385-397.
- Melati, R. E. (2022). Figurative Language Analysis In Five Malenie Martinez's Song Lyrics.
- Meswanti, & Safitri, F. (2022). An Analysis Of Figurative Language In Novel A Thousand Splendid Suns By Khaled Khosseini.

- Mohapatra. (2017). Challenges In The Practice Of Traditional Kolam Among Indian Women In The Klang Valley, Malaysia.
- Mokhtar. (2020). Penggunaan Kata-Kata Hikmat, Tokoh dan Peribahasa dalam Proses Penulisan Karangan Argumentatif: Strategi Penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Murid Words of Wisdom, Figurative and Proverbs Usage in Argumentative Essay Writing Process: The Higher Order Thinking Skills Strategy for Students. *Global Journal Al-Thaqafah*, 10(1), 58-65.
- Moriarty, M. (2015). Indexing Authenticity: The Linguistic Landscape Of An Irish Tourist Town. *International Journal of the Sociology of Language*, 232, 195-214.
- Muhammad Abulaish, Ashraf Kamal, & Zaki, M. J. (2020). A Survey of Figurative Language and Its Computational Detection in Online Social Networks. *ACM Transactions on the Web*, 14( 1).
- Muhammad, F., Hidayat, D. N., & Alek. (2021). An Analysis of Figurative Language in Maroon 5 – Nobody’s Love Song Lyrics. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 13(1).
- Mulyawan, W., Paramarta, M. S., & Suparwa, N. (2022). Language contestation at Batukau Temple, Bali (A Linguistic Landscape Study). *Cogent Arts & Humanities*, 9(1).
- Muralikrishna. (2019). Bhagavad Gita And Science – A Review. *Int J Recent Sci Res*. 10(12), pp. 36582-36586.
- Naibaho, P. D. (2020). Kajian Tipologi Kuil Hindu Tamil Pada Bangunan Graha Katolik Annai Velangkanni Di Medan. *Jurnal Arsitektur ALUR*, 3(1).
- New Straits Times. (2020). Famous Maran temple flooded. Retrieved from <https://www.nst.com.my/news/nation/2019/12/548423/famous-maran-temple-flooded>

- Nuessel. (2006). Figurative Language: Semiotics. *Encyclopedia of Language & Linguistics*, 2(1), 446-459.
- Ni Wayan Swarniti. (2022). Analysis of Figurative Language in “Easy On Me” Song Lyric. *Jurnal Ilmu Bahasa*, 8(1), 13-18.
- Nursolihat, S., & Kareviati, E. (2020). An Analysis of Figurative Language Used In The Lyric Of “A Whole New World” By Zayn Malik And Zhavia Ward. *Professional Journal of English Education*, 3(1), 86-108.
- Nuryanto. (2015). Menurunnya Penutur Bahasa Indonesia Sebagai Lingua Franca. *Indonesian Language Education And Literature*, 1(1).
- Paramasivam. (2000). *Natramizh Ilakkanam* Pari Publicaitons, Chennai.
- Parameswari. (2020). Sejarah Perkembangan Awal Kuil Batu Caves
- Pitina, S. (2020). English Influence on Linguistic Landscape of Modern Russian Cities. *International Journal of English Linguistics*, 10(1).
- Priangkah. (2019). *Ciri-ciri lanskap linguistik di Kuil Batu Caves* (Masters thesis), University of Malaya,
- Putra, A. A. E. (2019). *The Bilingualism In Road Sign, From The Perspective Of The Linguistic Landscape* The State Islamic University of Sunan Ampel Surabaya,
- Puzey, G. (2008). Planning the Linguistic Landscape: A Comparative Survey of the Use of Minority Languages in the Road Signage of Norway, Scotland and Italy. *Literatures, Languages, and Cultures*.
- Radna, & Pratomo. (2018). An Analysis Of Figurative Language In Online Short Story Posted On The Jakarta Post. *Jurnal Bahasa & Sastra*.
- Rahmawati, W. T., Rangkuti, L. A., & Radiyanti, K. (2021). Figurative Language In Harry Potter And Deathly Hallows Part 2 Movie. *Journal of English and English Education*, 1(2).

- Ramadhan, V. E. A. (2022). The Use Of Figurative Language In Maybelline New York Slogan Advertisement. *ELite Journal*, 2(1).
- Ranee. (2017). *Garis Panduan Kuil Hindu Kebangsaan*: Mvs Win Trading, Kedah
- Riadi, & Agus. (2012). Karakteristik Gaya Bahasa Judul-Judul Berita Pada Media Online Detik.Com. *Skripsi thesis, Universitas Muhammadiyah Surakarta*.
- Richard. (1994). Why Do People Use Figurative Language? *Psychological Science*, 5(3), 159-163.
- Rika. (2021). Figurative Language On “In A Perfect World” Album By Kodakline And Its Contribution For Poetry Teaching. *Proceeding Of English Teaching, Literature And Linguistics (Eternal) Conference*, 1(1).
- Safitri, M. (2020). *The Linguistic Landscape Study In Three Chinatowns Of Surabaya*.
- Saimon, A., & Hamzah, Z. A. Z. (2019). Penggunaan kiasan dalam plot konflik filem: Satu analisis pragmatik. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, (57-74).
- Saraan, R., Mamentu, C. A., & Kamagi, S. (2021). Analysis Of Metaphorical Expressions Used In The Book Entitled Shakespeare Proverbs Inscribed By Mary Cowden Clarke. *International Journal of Research in Social Culture Issues*, 1(1), 1-10. Retrieved from <https://ejurnal.unima.ac.id/index.php/socul/article/view/1694>.
- Sardani, R., & Indriani, S. (2018). Analisis Gaya Bahasa Kiasan Dalam Berita Industri Pada Media Digital Republika Dan Media Indonesia. *Jurnal basis UPB*, 5(1).
- Scollon, & Scollon-Wong. (2003). *Discourses in Place: Language in the Material World*: New York.

- Sheng, R., & Buchanan, J. (2022). Traditional Visual Language: A Geographical Semiotic Analysis of Indigenous Linguistic Landscape of Ancient Waterfront Towns in China. *Sage Journals.*, 12(1).
- Shukor. (2012). *Persamaan Lambang dan Makna Dalam Peribahasa Bahasa Semai dan Bahasa Melayu*. universiti malaya, kuala lumpur. Retrieved from <https://traveltriangle.com/blog/>
- Sidqi. (2021). Study of Figurative Language in The English Translation of Surah Yaseen. Undergraduate thesis, UIN Sunan Ampel Surabaya.
- Simon. (2015). Artistic Consciousness And Rudolf Steiner's Theory Of Colour.
- Solanki, & Ratanlal., C. (2021). *Dr. Aban Mistry, a Renowned Tabla Maestro of Farukhabad Gharana: A Comprehensive Study*. Maharaja Sayajirao University of Baroda (India), ProQuest Dissertations Publishing.
- Subet, M. F., & Nasir, M. R. M. (2019). Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253.
- Subramaniam. (2015). *Penggunaan bahasa kiasan dalam drama Tamil bersiri Nadhaswaram*. (Masters thesis), Universiti Putra Malaysia,
- Sugita, I. W., & Pastika, I. G. T. (2021). Nilai-Nilai Pendidikan Agama Hindu Yang Terkandung Dalam Paribasa Bali Suguhan Pertunjukan Wayang Kulit Cenk Blonk. *Jurnal Ilmu Agama*, 4(1), 65-93.
- Supramani. (2013). Will Tamil be endangered in Malaysia? A linguistics landscape perspective, *Annamalainagar: Annamalai University, India*.
- Suryasa, I. W. (2016). Figurative Language Found in Printed Advertisement. *International Journal of Linguistics, Literature and Culture*, 2, 29-38.
- Susanti, H. (2022). *An Analysis Of Figurative Language On Pablo Neruda Poems*.

- Syafitri, D. (2018). An Analysis of Figurative Language Used in Edgar Allan Poe's Poems. *Linguistic, English Education and Art (LEEA)* 2(1).
- Syahrin. (2012). Linguistik sebagai ilmu bahasa. *Jurnal Perspektif Pendidikan*, 5(1).
- Tangamalar. (2014). *Kajian Terhadap Pengurusan Perayaan Thaipusam di Kuil Thanneermalai, Penang* Universiti Malaysia Sarawak.
- Tangaprabu. (2020). Gajah Dalam Peribahasa Tamil: Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)* 3(2), 134-146.
- Xia, N., & Li, L. (2016). Studying Languages in the Linguistic Landscape of Lijiang Old Town. *International Journal of English Linguistics*, 6(2).
- Yusuf, K., Mukrozah, P. A., & Jannah, R. (2022). Language Patterns In The Linguistic Landscape Of Pesantren. *Jurnal Al-Lughah*, 11(1).
- Za'ba. (1965). Ilmu Mengarang Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zafirah. (2016). Bentuk-bentuk kiasan dalam novel jalur sinar di celah daun dan kaedah terjemahannya dalam bahasa Inggeris "A Ray Of Light Among The Leaves" Zafirah Adila Mustapha.
- Zakiah. (2015). *Analysis Of Figurative Language In The Advertisement Taglines In Indonesia Tatler Magazine* University Of Brawijaya.